




---

*Linggi Dalam Abad ke-20*

JAWATAN DATUK MUDA LINGGI DIGANTUNG



ADA 3 November 1912 bersamaan 3 Zulkaedah 1322 Hijrah Mohamad Bastam, telah meninggal dunia setelah sembilan belas tahun menjadi Datuk Muda Linggi. Datuk Panglima Besar telah meminta Datuk Panglima Perang Omar mencari kebulatan segala waris mencari calon yang layak dan sesuai.

Datuk Panglima Perang telah menjalankan tugasnya itu dan segala waris telah berkebulatan untuk menjadikan Cikgu Abbas bin Zakaria sebagai Datuk Muda yang baru. Surat kebulatan yang telah ditandatangani diserahkan kepada Datuk Panglima Perang Omar supaya menurunkan tandatangan. Datuk Panglima Perang enggan menandatangani surat kebulatan itu atas alasan beliau sendiri akan menyampaikan surat itu kepada Datuk Panglima Besar. Apabila surat itu disampaikan kepada Datuk Panglima Besar, beliau mendapati Datuk Panglima Perang tidak berserta maka beliau telah menolaknya kerana tidak ada kebulatan.

Penolakan surat kebulatan itu oleh Datuk Panglima Besar mempunyai sebab tersendiri. Beliau tidak bersetuju dengan pencalonan Cikgu Abbas kerana jika diterima bermakna peluangnya untuk menjadi Datuk Muda akan tertutup. Beliau berpendirian bahawa jika Mohamad Bastam yang sedang memegang gelar Datuk Panglima Besar boleh dijadikan Datuk Muda maka beliau pun boleh berbuat demikian. Dengan ini sebagai motif, beliau sengaja tidak mahu menyertai kebulatan waris melantik Cikgu Abbas. Pada pendapatnya, apabila waris tidak bulat maka perlantikan itu akan dipulangkan kepada 'ibu' dan 'bapa' yang untuk meringkaskan kerja, seperti yang dilakukan pada masa perlantikan Mohamad Bastam, akan mengambil Datuk Panglima Besar menjadi Datuk Muda. Untuk mencapai tujuannya Mohamad Bakhir telah menulis sepucuk surat peribadi kepada majistret Port Dickson menawarkan diri supaya dilantik. Dalam surat itu beliau menyatakan bahawa peraturan di Linggi ialah apabila Datuk Muda meninggal dunia maka jawatan itu diisi oleh Datuk Panglima Besar. Oleh sebab beliau telah memegang jawatan Datuk Panglima Besar itu untuk sembilan belas

tahun maka sudah sepatutnya beliau menjadi Datuk Muda (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:212).

Datuk Panglima Perang yang enggan menandatangani surat kebulatan itu juga mempunyai motif peribadi, sama seperti kehendak Datuk Panglima Besar. Pada pandangan beliau juga, jikalau dalam tahun 1893 Datuk Panglima Besar (Mohamad Bastam) dinaikkan ke taraf Datuk Muda maka kali ini adalah giliran Datuk Panglima Perang (iaitu beliau sendiri) dilantik menjadi Datuk Muda. Sama seperti Datuk Panglima Besar, beliau juga telah menulis sepucuk surat kepada yang berkenaan (tidak diketahui dengan pasti kepada siapa; tetapi besar kemungkinan kepada Datuk Kelana Maamor, 'bapa' Linggi) menawarkan diri. Dalam surat yang ditulisnya pada 22 November 1912 itu, selain menawarkan diri beliau juga menyatakan bahawa pusaka Datuk Muda itu adalah bergilir mengikut sistem Adat Perpatih (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:313).

Datuk Laksamana Abdul Majid tidak berpuas hati dengan keputusan kedua-dua orang pembesar itu. Beliau dengan Menteri<sup>1</sup> Leman (Sulaiman), tanpa memberitahu Datuk Panglima Besar telah menyembahkan kebulatan waris memilih Cikgu Abbas itu kepada Datuk Kelana Maamor dan Datuk Syahbandar Sungai Ujong. Mereka telah menjemput kedua-dua orang 'ibu' dan 'bapa' itu datang ke Linggi. Atas jemputan itu, Datuk Kelana dan Datuk Syahbandar Haji Ahmad telah datang ke Linggi pada keesokan harinya juga. Dalam perjalanan itu kedua-dua orang pembesar Sungai Ujong yang diiringi oleh Datuk Laksamana Abdul Majid dan Menteri Leman telah bertemu dengan Datuk Panglima Besar yang dalam perjalanan ke rumah Datuk Panglima Perang. Sebagaimana kehendak adat, jikalau 'ibu' dan 'bapa' berkunjung ke Linggi, mereka harus terlebih dahulu singgah di rumah Datuk Panglima Besar. Sesuai dengan keperluan adat ini, Datuk Panglima Besar telah mempersilakan kedua-dua 'ibu' dan 'bapa' itu ke rumahnya; tetapi pelawaan itu telah ditolak. Mereka terus sahaja pergi ke masjid; dan Datuk Panglima Besar terpaksa turut bersama (Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960:45).

Menurut adat, Datuk Panglima Besar adalah pembesar yang mengemukakan hal lantikan Datuk Muda yang baru kepada 'ibu' dan 'bapa'. Namun pada hari itu, selepas menunaikan solat Jumaat, Datuk Panglima Besar pula bertanyakan kepada 'ibu' dan 'bapa' maksud kedatangan mereka ke Linggi. Pertanyaan Datuk Panglima Besar itu tidak dijawab oleh kedua-dua Datuk Kelana dan Datuk Syahbandar. Dengan pertanyaan itu faham-lah mereka bahawa waris Linggi, walaupun telah ada calon, belum lagi bulat. Dengan demikian, perlantikan Cikgu Abbas bin Zakaria sebagai ganti Datuk Muda Mohamad Bastam dibatalkan.

Selain kebulatan waris untuk melantik Cikgu Abbas, ada pula satu kelompok orang Linggi seramai 68 orang yang juga telah berkebulatan mencalonkan Syed Ahmad bin Syed Mohamad mengisi jawatan tersebut. Kebulatan

kumpulan kedua ini juga tidak dapat diterima kerana ada tiga empat orang yang tidak berserta menandatangani surat itu (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:214). Oleh yang demikian, 'ibu' dan 'bapa' tidak dapat menerima calon tersebut kerana tidak menurut syarat adat seperti yang ditetapkan.

Keadaan menjadi semakin kusut apabila beberapa orang ahli waris Linggi lain secara peribadi menuntut hak untuk mengisi kekosongan itu. Mereka secara bersendirian telah mengirim surat kepada Datuk Kelana Maamor, Residen Inggeris Sungai Ujong dan Pegawai Daerah Port Dickson menawarkan diri dengan memberi sebab mengapa mereka layak menjadi Datuk Muda. Antaranya ialah:

1. Hassan bin Pok, dalam suratnya bertarikh 27 Disember 1912 beliau menyatakan bahawa pusaka Datuk Muda itu bergilir-gilir dan berperut-perut.
2. Mohamad bin Abu, beliau menulis dua pucuk surat. Dalam surat pertama yang bertarikh 18 April 1913 beliau menawarkan dirinya untuk menjadi Datuk Muda yang baru dan disertakan sekali salasilah untuk membuktikan haknya. Suratnya yang kedua bertarikh 9 Julai 1913 menyatakan beliau dan adik-beradiknya sahaja yang boleh menjadi Datuk Muda (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:291).

Daripada huraian di atas nyatalah bahawa jawatan Datuk Muda itu sudah menjadi pusaka rebutan. Ini juga menunjukkan bahawa waris Linggi tidak bulat lagi dan sudah berpecah belah. Keadaan yang demikian telah memberi Datuk Kelana satu peluang untuk menundukkan serta meletakkan Datuk Muda yang separuh merdeka itu ke bawah kuasanya. Tegasnya Datuk Kelana mahu secara pasti bahawa Linggi itu ialah di dalam negeri Sungai Ujong dan Datuk Muda itu hanya bertaraf sebagai orang besar daerah sahaja. Dengan demikian wilayah Linggi yang mempunyai kebebasan (yang mulai tahun 1874 mulai hilang kebebasannya) menjadi sebahagian daripada daerah Sungai Ujong.

Untuk mencapai cita-cita ini Datuk Kelana telah mengenakan satu syarat untuk menjadikan Datuk Muda, iaitu kebulatan *segala* waris yang tua-tua harus seperti *bulat telur terkupas* (Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960:46). Kebulatan yang demikian payah hendak dicapai pada abad ke-20 ini terutama sekali dengan meluasnya penggunaan wang sebagai alat pertukaran.

Oleh sebab waris Linggi telah berpecah belah dan tidak dapat menyelesaikan masalah mencari ganti ini maka perlantikan Datuk Muda yang baru tidak dapat diteruskan. Perkara ini telah dipulangkan kepada kedua-dua 'ibu' dan 'bapa' seperti syarat adat. Kesemua calon, iaitu tidak kurang daripada enam orang seperti yang dinyatakan di atas telah dikemukakan. Namun keadaan menjadi lebih genting apabila kedua-dua Datuk Kelana dan Datuk Syahbandar Sungai Ujong tidak dapat kata sepakat (kebulatan) dalam membuat keputusan. Datuk Kelana mahu melantik Datuk Panglima

Besar Haji Mohamad Bakhir tetapi Datuk Syahbandar pula tidak bersetuju kerana beliau memilih Cikgu Abbas bin Zakaria sebagai Datuk Muda yang baru. Justeru itu, mereka berdua pun tidak dapat memutuskan dan menyelesaikan masalah itu.

Memandang kepada keadaan yang wujud itu, Datuk Syahbandar telah memberi jalan tengah bagi menyelesaikannya. Beliau berpendapat bahawa selagi Datuk Panglima Besar Haji Mohamad Bakhir dan Cikgu Abbas masih hidup, selagi itulah masalah ini tidak akan dapat diselesaikan. Oleh itu adalah lebih baik didiamkan sahaja perkara ini sehingga kedua-duanya sudah tiada lagi. Cadangan Datuk Syahbandar ini telah dipersetujui oleh Datuk Kelana serta juga Residen Inggeris. Dengan demikian pusaka Datuk Muda Linggi itu dikosongkan sehingga kedua-duanya sudah meninggal dunia (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:215).

Berikutan keputusan 'ibu' dan 'bapa' itu, jawatan Datuk Muda tidak diisi lagi. Sehingga kini tidak jelas mengapa jawatan itu dibiarkan kosong dan tidak jelas sama ada penduduk Linggi ada membuat bantahan atau tidak. Apa yang jelas ialah rakyat Linggi, untuk beberapa tahun seolah-olah melupakan jawatan tersebut dalam kehidupan mereka. Dalam tempoh itu segala kepentingan sosial dan ekonomi mereka telah dilaksanakan oleh penghulu mukim dan pegawai-pegawai kerajaan yang berada di dalam daerah Port Dickson.

Pada 25 Mei 1917 Datuk Panglima Besar Haji Mohamad Bakhir telah meninggal dunia. Menurut adat, Datuk Muda yang sepatutnya melantik Datuk Panglima Besar yang baru. Pada masa itu jawatan Datuk Muda masih belum berisi. Dengan demikian, kekosongan jawatan Datuk Panglima Besar tidak dapat diisi kerana tiada siapa yang hendak membuatnya walaupun waris-waris telah bulat. Berikutan itu, ada dua jawatan pembesar yang kosong di Linggi.

Waris-waris Linggi setelah bermuafakat dan berkebulatan untuk menimbulkan semula jawatan Datuk Muda. Mereka telah bulat untuk melantik Cikgu Abbas bin Zakaria, iaitu salah seorang calon yang dikemukakan pada akhir tahun 1912 dahulu menjadi Datuk Muda. Namun, apabila kebulatan itu disampaikan kepada Datuk Kelana Maamor, beliau tidak mahu mengesahkannya. Sebaliknya, Datuk Kelana meminta orang Linggi mengisi dahulu kekosongan Datuk Panglima Besar, dan permintaan ini telah disokong oleh pihak berkuasa Inggeris.

Pada satu segi permintaan Datuk Kelana ini sesuai dengan jalan adat kerana yang menyampaikan hal perlantikan Datuk Muda itu ialah Datuk Panglima Besar. Namun ini adalah dalam keadaan yang biasa. Kehendak Datuk Kelana ini membuatkan orang Linggi berada dalam dilema. Mereka tidak dapat mengadakan Datuk Panglima Besar kerana yang mengesahkannya adalah Datuk Muda; sebaliknya pula 'bapa' Linggi tidak mahu menerima kebulatan untuk mengisi jawatan Datuk Muda kerana yang menyampaikan

kebulatan itu bukan Datuk Panglima Besar. Keadaan ini membuatkan waris Linggi tidak tahu yang mana satu hendak ditegakkan dahulu, dan bagaimana hendak menegakkannya. Dengan demikian, jawatan Datuk Panglima Besar pun turut tergantung.

#### PERUBAHAN DALAM SISTEM PERLANTIKAN DATUK MUDA

Soal kekosongan jawatan Datuk Muda Linggi timbul semula pada sekitar tahun 1924. Menurut manuskrip 'Catatan Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin' (tiada tarikh), pada 6 Julai 1924 Abu bin Haji Lamin telah menulis sepucuk surat kepada Pegawai Daerah Port Dickson. Bersama surat itu disertakan satu salasilah. Beliau telah memaklumkan bahawa 'peraturan keturunan waris Linggi yang berpusaka gelaran jawatan Datuk Muda itu ialah mengikut istiadat yang ditanam Undang Negeri Sembilan ialah dua perut sahaja'. (Mohamad Ali bin Dahlan: 1976:291).

Berikutan dengan surat itu, pada awal bulan Julai itu juga Datuk Kelana telah memanggil waris-waris Linggi datang ke balainya di Ampangan, Seremban, untuk membincangkan salasilah berkenaan. Dalam pertemuan itu waris-waris Linggi tidak dapat berkata apa-apa kerana mereka tidak tahu tentang salasilah itu. Datuk Kelana juga tidak dapat berbuat apa-apa kerana waris Linggi yang hadir di balai itu bulat tidak setuju dengan susunan itu.

Waris-waris Linggi sebaliknya telah menggunakan kesempatan itu untuk menuntut supaya jawatan Datuk Muda diisi semula dengan mengesahkan perlantikan Cikgu Abbas yang telah 'bulat telur terkupas' sesuai dengan kehendak Datuk Kelana pada tahun 1912. Datuk Kelana dengan itu telah menuntut pula kebulatan untuk menjadikan Datuk Panglima Besar. Ini pun sudah diperolehi dan Syed Ahmad bin Syed Mohamad telah dipersetujui oleh waris—tegasnya telah 'bulat telur terkupas' untuk mengisi jawatan tersebut. Namun, Datuk Kelana masih enggan menerimanya dan sebaliknya telah meminta waris-waris itu mengaku bahawa pusaka Datuk Muda itu berperut-perut dan bergilir-gilir. Waris Linggi telah menolak permintaan terakhir itu dan Datuk Kelana pula tidak mahu berganjak daripada pendiriannya (Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960:48). Dengan demikian, pertemuan itu gagal mendapat sebarang keputusan muktamad. Pengantungan jawatan Datuk Muda itu berterusan lagi.

Oleh itu nyatalah bahawa seolah-olah Datuk Kelana tidak mahu menyelesaikan masalah perlantikan pembesar-pembesar Linggi. Orang Linggi telah berusaha untuk menyelesaikannya dan cuba memenuhi segala kehendak Datuk Kelana, namun usaha mereka tidak tercapai. Apakah muslihat dan motif Datuk Kelana Maamor berbuat demikian pensejarahan Linggi agak kabur? Sejauh mana campur tangan Inggeris dalam masalah ini sehingga kini masih tidak pasti. Adakah ini satu cara Inggeris

mengimplimentasikan cadangan Douglas dalam tahun 1893 seperti yang dinyatakan juga tidak dapat diperjelaskan.

Pada sekitar akhir tahun 1920-an tiba-tiba muncul Hasan bin Pok mengaku telah berjumpa satu salasilah orang Linggi yang lebih kemas dan teratur yang boleh menyelesaikan masalah perlantikan serta pewarisan Datuk Muda. Salasilah ini diperolehinya daripada bekas sarjan polis bernama Etot yang tinggal di Pangkalan Dian (Durian). Beliau ialah guru yang pada masa itu mengajar di Sekolah Kota Rembau. Di samping menjadi guru sekolah beliau juga ialah guru agama kepada Datuk Sedia Raja Abdullah bin Dahan,<sup>2</sup> Undang Rembau. Salasilah itu telah dibawa ke pengetahuan Datuk Abdullah yang kemudian menyerahkannya kepada seorang datuk lembaga Rembau, iaitu pakar Adat Perpatih, Datuk Raja Senara Abdul Ghani (Derani) untuk dikaji.

Datuk Raja Senara Abdul Ghani seorang pembesar Adat Perpatih mungkin mahir dalam sistem adatnya, tetapi tidak mungkin ahli dalam Adat Linggi, telah bersama dengan Hasan bin Pok 'menyusun salasilah itu menurut secara Adat Perpatih.'<sup>3</sup> Oleh sebab Undang Rembau tidak boleh mencampuri hal ehwal Linggi, Datuk Abdullah telah menyerahkan salasilah yang telah disusun semula itu kepada 'ibu' dan 'bapa' Linggi untuk tindakan selanjutnya. Setelah mengkaji salasilah itu, Datuk Kelana telah membuat keputusan untuk menjadikan sistem susunan Hasan bin Pok itu sebagai asas serta panduan bagi orang Linggi pada masa akan datang apabila terbit masalah perlantikan pembesar Linggi. Berikutan dengan itu, Datuk Kelana mungkin atas nasihat rakan sejawatannya seperti Datuk Sedia Raja Abdullah Undang Rembau dan mendapat restu daripada J.W. Simmons, Residen British Negeri Sembilan, telah bertindak untuk menghidupkan semula jawatan Datuk Muda Linggi.

Berikutan dengan cadangan Datuk Kelana hendak memulihkan semula jawatan Datuk Muda Linggi berdasarkan salasilah baru susunan Hasan bin Pok dengan Datuk Raja Senara Abdul Ghani, beberapa orang Linggi telah menulis surat bantahan. Antaranya ialah Mohamad bin Taib. Beliau, beserta dua puluh orang waris Linggi telah menulis sepucuk surat kepada Simmons Residen British Negeri Sembilan pada 3 November 1930 menyatakan penentangannya terhadap salasilah tersebut. Menurutnyanya:

Ampun Tuanku, patik pengangkatan takhta sedia menjunjung titah duli yang maha mulia di atas perkara ini tetapi patik sekalian harap ke bawah cerpu duli tuanku menimbangkan halnya dengan nuraca keadilan di atas membuat pilihan mengangkat orang dicadangkan itu setahu patik yang daif sekalian bahawa menjadikan seseorang akan menjawat pekerjaan itu ialah dalam lingkungan dua bab, pertamanya seorang itu dipilih dengan kesukaan dan kebulatan saudara sekalian waris-waris negeri Linggi itu, dan keduanya, jika tidak dapat kesukaan dan kebulatan saudara daripada sekalian waris-waris ialah demikian kehendak waris-waris juga tetapi pada masa ini bab yang pertama itu sangatlah tidak kerana ketiadaan persetujuan

yang bulat sekali dan bagi bab kedua tiadalah sempurna juga. Sungguhpun telah terpulang pilihan itu kepada yang mulia Datuk Undang Luak Sungai Ujong tetapi kehendak pilihan itu tidak dipersetujui oleh waris-warisan yang ada ketinggalan di serata tanah Melayu ini.

(NSG No. 233/30)

Bantahan yang ditimbulkan oleh Mohamad bin Taib ini tidak mendapat sebarang reaksi daripada Simmons. Pada hakikatnya pihak pentadbiran British, setelah mengikuti masalah pusaka Datuk Muda Linggi pada tahun 1893 itu telah mengadakan penyiasatan berkaitannya. Pihak Inggeris berdasarkan penyiasatannya pada dokumen surat Sungai Ujong No. 732/1893 dan 1519/1893, iaitu peringatan yang ditulis oleh Egerton, pegawai British pada ketika itu. Egerton telah menulis laporannya itu berdasarkan temuannya dengan beberapa orang tua di Linggi pada tahun 1893.

Apabila Datuk Kelana menyatakan hajatnya kepada pihak Inggeris bahawa beliau akan mengisi semula jawatan Datuk Muda Linggi itu, pada 17 Februari 1930 pejabat Residen British telah mengeluarkan satu laporan yang berdasarkan hasil penyelidikan Egerton. Laporan itu mencadangkan bahawa dalam perkara mengisi semula jawatan itu beberapa perkara harus diambil perhatian. Perkara-perkara tersebut ialah: bahawa sistem penggantian Datuk Muda adalah turun-temurun mengikut jalur pihak perempuan dan oleh itu lebih condong kepada Adat Perpatih dan bukan Adat Temenggung yang mengambil jalur keturunan daripada pihak lelaki. Meskipun demikian, ada juga perlantikan Datuk Muda yang bukan mengikut giliran perut tetapi mengikut aturan atau giliran tempat. Selanjutnya laporan itu menurunkan carta giliran itu secara kronologi berdasarkan sumber-sumber yang diperolehi tentang jawatan Datuk Muda Linggi. Di bahagian akhir laporan itu dikatakan bahawa pemegang waris Datuk Muda Linggi biasanya turun daripada garisan perempuan (Hamid Abdullah, 1984:181-3).

Langkah pertama yang dilakukan oleh Datuk Kelana ke arah matlamat tersebut ialah membentangkan salasilah itu dalam Majlis Mesyuarat Negeri Sembilan (State Council of Negeri Sembilan). Datuk Kelana telah melaporkan kepada Majlis tersebut bahawa semenjak zaman Mohamad Attas, Datuk Muda Linggi yang pertama, pewarisan pusaka Datuk Muda Linggi telah melalui tiga perut, iaitu:

- |                            |                   |
|----------------------------|-------------------|
| 1. Mohamad Attas           | Perut 'Solok'     |
| 2. Haji Mohamad Salleh     | Perut 'Hilir'     |
| 3. Mohamad Peral (Farghal) | Perut 'Pangkalan' |
| 4. Mohamad Bastam          | Perut 'Solok'     |

Pihak Majlis bersetuju bahawa giliran itu bermula dari 'Solok' kepada 'Hilir', kemudian kepada 'Pangkalan' dan balik semula ke 'Solok' dan seterusnya. Majlis juga bersetuju bahawa pemilihan berikutnya harus datang daripada perut 'Hilir'. (NSG No. 233/30. Lihat juga 'The Negeri Sembilan States Council', 23 Julai 1931).

Berikutan dengan pembentangan dan penerimaan Majlis Mesyuarat Negeri itu, pada 9 Oktober 1931 Datuk Kelana Maamor bersama dengan menantunya Datuk Raja Abdullah telah datang bersalat Jumaat di Linggi dan beliau memaklumkan kepada para hadirin bahawa adalah lebih baik pewarisan pembesar-pembesar Linggi dibuat secara bergilir-gilir dan berperut-perut. Beliau juga telah mengumumkan bahawa orang Linggi telah dibahagikan kepada tiga perut, iaitu perut Solok, Hilir dan Pangkalan. Beliau juga telah menerangkan bahawa tujuannya campur tangan dalam menyetujui salasilah yang disusun oleh Hasan bin Pok itu ialah bagi menyelamatkan pusaka Datuk Muda daripada tenggelam langsung. Selanjutnya beliau menyatakan jikalau tidak dibuat demikian sampai bila-bila pun adalah juga seperti yang telah sudah itu (Manuskrip Catatan Cikgu Abdul Samad 'Rengkasan Jawatan Datuk Muda Linggi' seperti yang dikutip oleh Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:216).

Orang Linggi yang hadir dalam majlis hari itu, mungkin kerana terkejut atas pengumuman Datuk Kelana yang tiba-tiba itu, tidak dapat menyuarakan sebarang bantahan. Mereka tidak dapat mengemukakan satu salasilah lain sebagai pilihan sekiranya mereka menolak salasilah susunan Hasan bin Pok yang dikemukakan oleh Datuk Kelana itu. Mereka sendiri pun tidak tahu tentang salasilah yang sebenarnya kerana, mengikut keterangan Imam Ambak seperti yang dirakamkan oleh Mohamad Ali bin Dahlan (1976:217), salasilah asal orang Linggi yang dibawa terus dari Riau, yang ada dalam simpanan Abbas bin Zakaria telah dihilangkan oleh menantunya, Haji Mohamad Said bin Haji Jamaluddin.<sup>4</sup>

Lanjutan daripada pengumuman Datuk Kelana itu, sekumpulan orang Linggi berjumlah 20 orang yang diketuai oleh Mat Som telah menulis surat kepada Residen British Simmons. Surat Mat Som ini telah dikirimkan pada 2 Julai 1931. Selain Mat Som, seorang lagi waris Linggi, Jalan bin Salleh juga telah menulis sepucuk surat<sup>5</sup> bertarikh 3 Julai 1931 kepada Residen. Kedua-dua pucuk surat itu juga menentang aturan baru mengisi jawatan Datuk Muda Linggi itu. Seperti juga bantahan sebelum itu, surat-surat Jalan bin Salleh dan Mat Som ini juga tidak mendapat layanan yang sewajarnya daripada mana-mana pihak.

Selain surat-surat bantahan pejabat Residen juga telah menerima surat-surat daripada pihak yang secara tidak langsung menyokong aturan 'berperut' itu. Surat-surat tersebut dikatakan 'menyokong secara tidak langsung' kerana isi surat-surat tersebut tidak menyatakan sokongan mereka secara jelas tetapi telah mencalonkan individu-individu tertentu berdasarkan 'perut' tertentu pula untuk mengisi jawatan tersebut.

Antara surat yang awal diterima oleh pejabat Residen ialah daripada Abu bin Haji Lamit. Dalam surat yang bertarikh 1 Januari 1930 itu, Abu telah menamakan Yahya bin Abu sebagai calon untuk jawatan Datuk Muda Linggi. Alasan yang dikemukakan oleh Abu dalam pencalonannya itu amat



menarik. Beliau telah memetik isi surat (jawapan) Datuk Muda Mohamad Bastam bin Haji Madinah kepada Datuk Kelana yang ditulis pada 6 Julai 1908. Dalam surat tersebut, Datuk Muda Mohamad Bastam menjawab satu soalan tentang perlantikan Datuk Muda yang menyatakan bahawa ada dua perut yang berhak menduduki jawatan Datuk Muda, iaitu perut Ina binti Paduka Raja dan perut Siti Meriam binti Paduka Raja. Berdasarkan pernyataan Mohamad Bastam ini, Abu mencalonkan Yahya sebab Yahya adalah keturunan langsung daripada perut Siti Meriam binti Paduka Raja.

Surat Abu bin Haji Lamit ini telah disusuli pula oleh surat Mohamad Attas bin Abu Bakar yang bertarikh 13 Mac 1930. Mohamad Attas yang membawa sendiri surat itu ke pejabat Residen telah mencalonkan dirinya sendiri sebagai Datuk Muda yang baru. Mohamad Attas telah memperkenalkan dirinya kepada Residen Hughes sebagai 'cucu' kepada Datuk Muda Mohamad Attas. Alasan yang diberikan untuk pencalonan dirinya itu adalah tidak jelas.

Pada 17 Julai 1930 menyusul pula sepucuk lagi surat yang juga ditujukan kepada Residen British dan mempunyai tujuan yang sama seperti surat-surat di atas. Surat ketiga ini telah ditandatangani oleh enam orang waris Linggi dengan Mohamad Som bin Laksamana Sait sebagai ketua. Surat ini telah mencalonkan Mahyudin bin Mohamad Baki sebagai Datuk Muda. Permohonan mereka itu adalah berdasarkan hak mereka sebagai ahli daripada perut Khatib Jamaluddin dan perut Fatimah. Selanjutnya surat ini menyatakan bahawa Mahyudin memenuhi semua syarat yang diperlukan untuk jawatan tersebut, baik dari segi Adat Perpatih mahupun dari segi Adat Temenggung. Ini disebabkan Mahyudin adalah keturunan daripada kelompok adat (Adat Perpatih dan Adat Temenggung) yang bertentangan itu.

Kemudian sepucuk surat lagi yang tidak bertarikh telah dikirim kepada Datuk Kelana Maamor. Isi surat ini agak berbeza dengan surat-surat yang terdahulu. Jika surat-surat terdahulu itu membataskan pencalonan kepada seorang sahaja, pencalonan surat terakhir ini adalah bersifat kolektif. Surat itu telah memberi sebanyak 20 nama yang bertandatangan untuk dipilih sebagai calon.<sup>6</sup>

Berkaitan dengan usaha untuk menghidupkan kembali pusaka Datuk Muda Linggi itu rakyat Linggi boleh dikatakan terpecah kepada dua kelompok. Setiap kelompok mengemukakan pendapat bagaimana hendak menentukan siapa yang berhak menduduki pusaka adat tertinggi di Linggi. Kedua-dua kelompok itu ialah:

1. Kelompok yang berpedoman kepada pemilihan yang berdasarkan konsep 'perut' seperti yang wujud dalam Adat Perpatih. Kelompok ini dipelopori oleh Datuk Kelana Maamor yang berpandukan salasilah susunan Hasan bin Pok.

2. Kelompok yang menekankan kepada perlantikan Datuk Muda melalui cara pemilihan antara waris-waris yang sah melalui konsep 'kebulatan'. Kelompok ini menolak langsung sistem 'perut' mengikut Adat Perpatih dalam memilih dan menentukan siapa yang menempati kedudukan Datuk Muda. Menurut mereka, konsep 'perut' yang diperkenalkan oleh Datuk Kelana Sungai Ujong adalah yang baru dan belum pernah diamalkan di Linggi.

#### HASAN BIN POK MENJADI DATUK MUDA LINGGI

Peraturan perlantikan Datuk Muda Linggi mengikut konsep 'perut' yang dilancarkan oleh Datuk Kelana Sungai Ujong pada 9 Oktober 1931 itu mendapat sokongan pentadbiran Inggeris dan akan dilaksanakan tanpa mempertimbangkan bantahan-bantahan atau mengambil kira sama ada orang Linggi menerima atau tidak sistem perlantikan dan pewarisan baru itu. Pada 11 Februari 1932 bersamaan 3 Syawal 1350 Hijrah, iaitu pada hari para datuk lembaga dan para waris Sungai Ujong datang berhari raya ke balai Undang, Datuk Kelana Maamor telah mengeluarkan ketetapan dan sekali gus melantik serta mengisytiharkan Hasan bin Pok yang berasal daripada 'perut Hilir' sebagai Datuk Muda Linggi yang baru. Turut hadir dalam majlis itu ialah Hughes, Residen British. Sejurus sebelum istiadat itu dijalankan waris-waris Linggi yang juga hadir di majlis itu atas jemputan untuk bersama di majlis hari raya itu tanpa diberitahu tujuan sebenarnya telah diingatkan supaya jangan membuka mulut berkata-kata satu huruf pun atau sepatah pun hingga selesai istiadat melantik (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:292-3).

Perlantikan itu telah dijalankan dengan sempurna dan disaksikan oleh Hughes dan pembesar-pembesar adat Sungai Ujong dan Linggi. Dengan terlantiknya Hasan bin Pok sebagai Datuk Muda Linggi yang baru itu maka terisilah jawatan adat tertinggi di Linggi yang telah lebih kurang 20 tahun terbenam itu.

Selepas perlantikan itu, pada 18 Mac 1932 Hasan bin Pok telah menulis surat kepada *Inspector of Schools Education Office*, Seremban meletakkan jawatannya sebagai guru bermula daripada 1 April 1932. Sebelum itu, pada 15 Februari 1932 Datuk Kelana Sungai Ujong telah pun menulis secara rasmi kepada Residen British Negeri Sembilan tentang perlantikan Hasan sebagai Datuk Muda Linggi. Dalam surat itu beliau meminta supaya Residen 'memberhentikan' Hasan daripada jawatan *Group Teacher Rembau* dan juga membayar pencen Datuk Muda kepadanya. Berikutan dengan surat Datuk Kelana itu, pada 25 Mei 1932 pejabat Residen British telah mengeluarkan satu surat yang ditujukan kepada para waris Linggi menyatakan dengan memberi penekanan bahawa segala masalah perlantikan Datuk Muda telah pun selesai kerana telah diadakan perlantikan secara rasmi.

Perlantikan Hasan bin Pok sebagai Datuk Muda Linggi pada tahun 1932 merupakan perlantikan Datuk Muda Linggi yang pertama tidak berdasarkan 'kebulatan segala waris' dalam pemilihan pemimpin di Linggi. Ini merupakan peristiwa sejarah yang sangat memberi kesan kepada ahli masyarakat keturunan Bugis di Linggi kemudiannya. Kemenangan yang diperolehi oleh Datuk Kelana Sungai Ujong dalam memaksakan keinginannya dan yang telah mendapat bantuan daripada pentadbiran British menimbulkan sikap tidak puas hati penduduk Linggi yang telah puluhan tahun mengamalkan sistemnya yang tersendiri.

### RUMAH SUDAH, PAHAT BERBUNYI

Masalah pertikaian politik adat di Linggi itu tidak habis begitu sahaja. Dengan tiba-tiba soal pengisian kekosongan jawatan Datuk Muda itu menjadi isu penting. Ironinya di sini ialah semasa Linggi tidak ber-Datuk Muda, riak-riak yang ditimbulkan oleh orang Linggi tidak seberapa, tetapi apabila telah diisi dan yang dilantik adalah anak waris Linggi juga, masyarakat Linggi telah bergelora. Keributan yang berlaku itu telah melibatkan hampir semua komponen sosial, baik yang berada di kawasan Linggi, mahupun di luar Linggi, amnya di Negeri Sembilan. Keadaan ini, dari satu segi memperlihatkan bahawa walaupun kedudukan Datuk Muda tidak lagi mempunyai pengaruh dalam bidang pentadbiran kerajaan atau memiliki kuasa politik, status Datuk Muda masih mempunyai erti psikologi dan tetap berperanan sebagai simbol bagi sesiapa sahaja yang memegangnya. Di samping itu, kekecohan ini juga menggambarkan betapa sensitifnya sebahagian besar masyarakat Linggi tentang mengatur pewarisan pusaka itu seunggul yang boleh.

Selepas Hasan bin Pok dilantik oleh Datuk Kelana sebagai Datuk Muda, orang Linggi telah menghantar bebarapa bantahan kepada Datuk Muda Hasan, Hughes Residen British dan Datuk Kelana Maamor. Mungkin salah seorang yang terawal menulis surat bantahan itu ialah Syed Ahmad bin Syed Mohamad.<sup>7</sup> Pada 1 Mac 1932 dalam suratnya beliau menyatakan konsep 'perut' yang diperkenalkan oleh Datuk Kelana adalah satu aturan baru dan yang sama sekali belum pernah digunakan di Linggi.

Pada 31 Mei 1932, Mohamad Said (Dr.) telah menulis surat kepada Datuk Muda Hasan. Dalam suratnya itu, beliau meminta Datuk Muda Hasan memperbaiki semula segala kesilapan yang telah berlaku, iaitu mengadat perpatihkan adat Linggi serta diberikan keterangan yang 'jelas' tentang adat Linggi sebelum tahun 1932. Surat itu tidak mendapat apa-apa tindak balas atau jawapan daripada Datuk Muda Hasan. Mohamad Said tidak puas hati dengan keadaan itu. Pada satu Jumaat, beliau telah bersemuka dengan Hasan di masjid. Pertemuan itu telah diadakan sebelum menunaikan salat Jumaat dan disaksikan oleh Datuk Laksamana Abdul Majid, Bang

Mama Naib Kadi Linggi dan Tok Ngah Kerani. Perbincangan itu bagaimanapun tidak memuaskan hati Mohamad Said. Beberapa hari selepas pertemuan itu, Mohamad Said dengan diiringi oleh Cikgu Samad, Datuk Laksamana Abdul Majid, Bang Mama Naib Kadi dan Khadijah binti Datuk Muda Haji Mohamad Farghal (isteri Datuk Laksamana Abdul Majid) telah berkunjung ke rumah Datuk Muda Hasan dengan tujuan menyambung perbincangan mereka di masjid sebelum itu, iaitu merayu supaya Datuk Muda mahu membatalkan sistem berperut dengan serta-merta. Rayuan dan permintaan itu tidak diterima oleh Datuk Muda Hasan.

Mohamad Said tidak berputus asa. Pada 23 Julai sekali lagi beliau menulis surat, dan seperti suratnya yang pertama, tidak mendapat sebarang reaksi daripada Datuk Muda Hasan. Pada sekitar bulan November 1932, Mohamad Said yang ketika itu bertugas di Pekan Pahang sekali lagi menulis surat lengkap dengan bukti-bukti membantah tentang aturan berperut itu. Surat tersebut telah ditujukan kepada Residen British Negeri Sembilan. Surat yang sepanjang 35 muka surat tulisan tangan itu ditulis dalam bahasa Inggeris. Salinan surat itu telah dihantar kepada Syed Ahmad bin Syed Mohamad, sepupu Mohamad Said untuk ditafsir dan disampaikan atau dihebahkan tafsirannya itu kepada semua waris Linggi. Oleh sebab Syed Ahmad terlalu sibuk dengan tugasnya, dia gagal memenuhi permintaan Mohamad Said. Hughes Residen British Negeri Sembilan pula tidak memberi sebarang tindakan terhadap surat tersebut. Dengan demikian, keadaan tidak berubah, dan konfrontasi itu berterusan sehingga Datuk Muda Hasan meninggal dunia pada 26 Ogos 1936, iaitu selepas lebih kurang empat tahun menjadi Datuk Muda Linggi.

#### PERLANTIKAN SYED AHMAD SEBAGAI DATUK MUDA LINGGI

Kematian Datuk Muda Hasan telah memberi ruang bagi waris-waris Linggi untuk memperbaiki atau memulihkan kesilapan (?) atau pembaharuan (?) yang telah dilakukan oleh Datuk Kelana dan yang telah berjalan selama empat tahun itu. Mohamad Said yang ketika itu baru sahaja ditukarkan bertugas di Hospital Besar Kuala Lumpur dari Pekan, Pahang telah mengambil cuti apabila mendapat tahu tentang kematian Datuk Muda Hasan itu. Beliau telah balik ke Linggi dengan tujuan mengambil kesempatan untuk cuba 'memulihkan adat Linggi seperti sedia kala'.

Datuk Kelana Maamor telah mengeluarkan surat arahan meminta waris-waris Linggi mencari ganti Datuk Muda. Surat arahan itu telah disampaikan kepada Datuk Laksamana Abdul Majid oleh Mohamad Kadhi. Beberapa perbincangan (mesyuarat) dan perundingan (muafakat) telah diadakan oleh waris-waris Linggi dalam tempoh beberapa hari selepas kematian Datuk Muda Hasan. Mereka akhirnya bersetuju (kebulatan) mencalonkan Khalid bin Endut sebagai bakal Datuk Muda yang baru. Surat

kebulatan itu telah diserahkan kepada Datuk Laksamana untuk tindakan selanjutnya.

Pada 10 September 1936 Datuk Laksamana Abdul Majid, sesuai dengan surat arahan Datuk Kelana telah mengumpulkan waris-warisan Pangkalan untuk mengesahkan surat kebulatan pencalonan Khalid bin Endut itu. Datuk Panglima Besar Yahya, Datuk Panglima Perang Omar dan Datuk Kanda Ngah Kerani berserta Datuk Penghulu Ripin (Arifin) telah turut dijemput. Mesyuarat itu telah berlangsung dalam keadaan yang agak kecoh. Kekecohan ini telah dimulakan oleh Syed Ahmad bin Syed Mohamad yang telah, secara tidak langsung meminta para waris melantiknya sebagai Datuk Muda, membanggakan dirinya sebagai berbangsa Arab dan mengingatkan para waris bahawa kebulatan yang telah dibuat oleh para waris dalam perantaraan Datuk Muda sebelum itu tidak pernah diikuti oleh pihak atasan. Mesyuarat itu berakhir tanpa mencapai sebarang keputusan muktamad. Datuk Laksamana pula, melihat perjalanan mesyuarat sudah tidak menentu, tidak jadi mengeluarkan atau membentangkan surat kebulatan yang mencalonkan Khalid bin Endut untuk disahkan.

Pada keesokan harinya, iaitu pada 11 September Datuk Laksamana bagaimanapun telah menyerahkan juga surat kebulatan tersebut kepada Datuk Panglima Besar, Datuk Panglima Perang dan Datuk Kanda. Datuk-datuk tersebut enggan menerima surat itu kerana tidak mendapat kebulatan yang sebetulnya. Namun, datuk-datuk itu telah memberi keizinan kepada Datuk Laksamana membawa kebulatan itu kepada Datuk Kelana Sungai Ujong.

Datuk Laksamana dengan diiringi oleh Mohamad Said, Mohamad Kadhi dan Abdul Samad telah pergi menghadap Datuk Kelana pada 13 September. Tujuan mereka adalah untuk mendapatkan persetujuan Datuk Kelana tentang kebulatan kepada Khalid yang telah diterima oleh Datuk Kelana. Dalam pertemuan itu Datuk Kelana telah memberitahu rombongan itu bahawa sebelum itu, Syed Ahmad bin Syed Mohamad telah datang menghadap. Kunjungan rombongan Datuk Laksamana ini telah disusuli pula oleh satu lagi rombongan yang terdiri daripada Datuk Panglima Besar Yahya, Datuk Panglima Perang Omar, Datuk Kanda Ngah Kerani dan Tuan Kadhi Linggi pada 14 September, iaitu pada hari berikutnya. Tujuan rombongan kedua ini menghadap Datuk Kelana ialah untuk membuat bantahan ke atas kebulatan yang dibawa oleh Datuk Laksamana sebelum itu. Besar kemungkinan, selain menyatakan bantahan mereka, datuk-datuk itu telah mencalonkan Syed Ahmad sebagai Datuk Muda yang baru. Oleh sebab ada bantahan daripada sebahagian besar pembesar-pembesar Linggi maka pada hari itu juga (14 September) Datuk Kelana Maamor telah menolak surat kebulatan kepada Khalid bin Endut.

Apabila Datuk Laksamana Abdul Majid mendapat tahu tentang kedatangan rombongan kedua itu serta tuduhan-tuduhan yang dikemukakan,

beliau dengan Mohamad Said bin Abdul Samad telah menulis surat kepada Datuk Kelana. Dalam surat yang mereka tandatangani bersama, mereka telah menjawab tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepada mereka itu. Di samping itu surat itu menyatakan bantahan mereka terhadap sikap yang ditunjukkan oleh Syed Mohamad dan pertemuannya<sup>5</sup> dengan Datuk Kelana.

Daripada huraian ringkas itu nyatalah bahawa perbalahan politik adat telah timbul semula dalam mencari ganti Datuk Muda Hasan. Akibat adanya perbalahan di kalangan waris-waris Linggi itu Datuk Kelana dan Datuk Syahbandar telah menolak segala 'kebulatan' yang dibawa oleh mana-mana pihak untuk dipertimbangkan. Kedua-dua datuk itu 'terpaksa' untuk kali keduanya campur tangan menyelesaikan pertikaian perlantikan itu.

Pada 5 Disember 1936, Datuk Kelana telah memanggil waris-waris Linggi supaya hadir di balainya di Ampangan kerana hendak melantik Datuk Muda. Kumpulan waris yang ingin menjadikan Khalid bin Endut telah sebulat suara melantik Mohamad Said sebagai jurucakap mereka bagi menyuarakan bantahan seandainya perlantikan yang dibuat itu diberikan kepada orang lain dan tidak kepada Khalid bin Endut. Apabila kesemua waris Linggi telah berhimpun di pekarangan balai, Syed Hasan Penghulu Ampangan telah turun mendapatkan mereka dan menyampaikan arahan Datuk Kelana melarang siapa pun antara waris-waris Linggi daripada menyuarakan sebarang bantahan pada masa Datuk Muda yang baru dilantik. Walaupun arahan itu disampaikan oleh Syed Hasan, ia adalah sama seperti arahan pada ketika perlantikan Datuk Muda Hasan pada tahun 1932 dahulu. Selepas diberitahu tentang amanat itu, waris-waris Linggi pun diminta naik ke balai.

Waris-waris itu agak terperanjat juga melihat Syed Ahmad bin Syed Mohamad telah sedia hadir di atas balai dan sedang duduk di hadapan Datuk Kelana yang duduk di sebuah kerusi. Duduk di sebelah kiri Datuk Kelana ialah Hughes, Residen British Negeri Sembilan. Para waris Linggi yang baru naik itu pun duduk pula di sebelah kiri Syed Ahmad. Setelah semua yang hadir duduk, tanpa berlengah lagi Datuk Kelana Maamor pun berucap memberitahu waris-waris Linggi bahawa gelaran bagi penyandang jawatan Datuk Muda kali ini adalah giliran perut Pangkalan dan dalam masa yang sama, beliau mengumumkan bahawa Syed Ahmad bin Syed Mohamad menjadi Datuk Muda menggantikan Datuk Muda Hasan yang telah meninggal dunia.

Mohamad Said, jurucakap pihak waris Linggi yang berkebulatan kepada Khalid bin Endut, tidak dapat membuat bantahan atas sebab tertentu. Mengapa Mohamad Said membisu ialah:

Saya yang telah terpilih sebagai pembantah lantikan berperut-perut berasaskan keturunan sebelah perempuan turut sama berdiam diri, oleh kerana sebagai seorang

Pegawai Perubatan saya baru bekerja lebih sedikit daripada dua tahun, saya tidak berani membuat apa-apa bantahan di hadapan Residen British oleh kerana kuasa yang ada di tangan Residen pada masa itu berganda-ganda lebih daripada kuasa Sultan-sultan di Semenanjung Tanah Melayu. . . .

(Teks 'Ucapan Tan Sri Dato' Mohamad Said dalam Mesyuarat Waris-waris Linggi di Dewan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris, Linggi pada 29 September 1974')

Pada hakikatnya, jikalau mengikut kenyataan Khadijah binti Datuk Muda Mohamad Farghal, Hughes agak keberatan melantik Syed Ahmad menjadi Datuk Muda. Khadijah yang duduk di sisi pintu bilik di mana Hughes ditempatkan sebelum istiadat perlantikan itu dijalankan telah mendengar Hughes bertanya kepada Datuk Kelana mengapa 'orang yang ada kebulatan tidak dijadikan dan orang yang tiada kebulatan pula hendak dijadikan'. Datuk Kelana telah menjawab soalan Hughes itu dengan berkata bahawa orang yang berkebulatan itu sudah bercerai talak tiga, dan jika ia hendak balik (pusaka Datuk Muda) dia harus bercina buta dahulu (Manuskrip 'Catatan Cikgu Abdul Samad bin Zainudin. Melantik Syed Ahmad jadi Datuk Muda Linggi'). Seandainya kenyataan Khadijah ini benar maka jelas bahawa dalam perlantikan Datuk Muda Syed Ahmad ini, pihak Inggeris tidak campur tangan. Orang yang berkuasa mutlak ke atas perlantikan itu ialah Datuk Kelana Maamor. Besar kemungkinan juga Datuk Syahbandar Sungai Ujong (walaupun ia 'ibu' kepada Linggi) juga tidak dapat menyuarakan pandangannya terhadap cara perlantikan itu.

Orang Linggi begitu hampa dan tidak puas hati dengan sikap Datuk Kelana, tetapi sekali lagi mereka tidak dapat berbuat apa-apa tindakan. Pada hakikatnya mereka bukan tidak bersetuju dengan Syed Ahmad sebagai seorang individu, malahan dari segi kelayakan beliau adalah paling sesuai, tetapi yang para waris kesal dan terkilan ialah aturan pemilihan itu. Antara sebabnya adalah:

1. Perlantikan itu dijalankan secara 'tergopoh-gapah'.
2. Perlantikan itu tidak menghiraukan sama ada ia hasil daripada permuafakatan dan kebulatan waris-waris Linggi atau tidak.
3. Perlantikan itu bererti perlanjutan sistem bergilir mengikut perut ala Adat Perpatih.

Sedangkan jikalau Khalid bin Endut yang dilantik bermakna:

1. Perlantikan itu adalah hasil muafakat dan kebulatan walaupun kebulatan yang diperolehi itu tidak 'bulat telur berkupas'.
2. Perlantikan itu tidak bersandarkan sistem berperut-perut.

Keadaan dalam politik adat Linggi selepas perlantikan Datuk Muda Syed Ahmad menjadi tenang. Orang Linggi mungkin berasa bosan dengan aturan itu dan tidak lagi menghiraukan masalah adat Linggi yang telah diubah itu. Mahu tidak mahu mereka terpaksa menerima Syed Ahmad sebagai

Datuk Muda mereka. Walaupun Syed Ahmad dilantik oleh Datuk Kelana dan mendapat restu Inggeris tetapi dia tidak berkuasa dan berwibawa. Kekuasaan ke atas adat dan agama yang sepatutnya ada pada beliau, atau dalam tangan Datuk Kelana yang dilembagakan secara formal oleh pentadbiran British dalam institusi sosial orang Melayu, pada hakikatnya, tidaklah lebih daripada satu simbol kekuasaan yang abstrak. Institusi kepemimpinan adat dalam hal-hal yang menyangkut agama dan adat yang diakui secara rasmi itu tidak dapat berbuat sesuatu tanpa pengetahuan dan persetujuan daripada pihak berkuasa Inggeris. Kehilangan kuasa dan wibawa ini jelas dipaparkan dalam kes yang berlaku di Linggi pada tahun 1939.

Pada 26 November 1939 Syed Ahmad, sebagai Datuk Muda Linggi telah menulis satu petisyen yang ditujukan kepada Pegawai Daerah Port Dickson dan Residen British Negeri Sembilan. Dalam surat tersebut beliau telah mengemukakan beberapa keresahan sosial dan rasa tidak puas hati beberapa orang anggota masyarakat Linggi terhadap Mohamad bin Ahmad, naib kadi Linggi. Petisyen tersebut telah melaporkan bahawa naib kadi tersebut telah mengeksploitasi undang-undang agama yang dipertanggungjawabkan kepadanya<sup>9</sup> dengan melakukan pemerasan dan menerima rasuah. Petisyen tersebut tidak mendapat sebarang tindak balas yang sepatutnya daripada pihak Inggeris, dan akhirnya telah dibekukan tanpa sebarang penyelesaian. Naib kadi berkenaan telah terus memegang jawatannya sehingga dia bersara pada akhir tahun 1939.

Beberapa rumusan tentang kekuasaan dan kewibawaan pemimpin Linggi boleh diutarakan berdasarkan peristiwa tersebut. Rumusan-rumusan itu bukan sahaja melibatkan Datuk Muda Linggi (buatan Datuk Kelana dan Inggeris), bahkan juga Datuk Kelana sendiri. Antara rumusan tersebut ialah:

1. Fungsi pemimpin adat (Datuk Muda dan Datuk Kelana) sebagai ketua agama, adat dan adat istiadat Melayu seperti yang diperakui oleh Inggeris secara formal tidak berfungsi sebagai sepatutnya.
2. Pemimpin Linggi lebih percaya kepada pentadbiran British daripada kepemimpinan Melayu—Datuk Kelana. Menurut persetujuan antara Inggeris dan pembesar-pembesar Melayu yang bermula sejak Inggeris meletakkan ‘penasihat’ dalam negeri-negeri Melayu, hal-hal yang berkaitan dengan agama, adat dan adat istiadat Melayu adalah tetap dalam tangan pemimpin Melayu. Dalam kes wilayah Linggi, persefahaman ini telah ada sejak tahun 1874, iaitu apabila Inggeris mulai menapak masuk ke dalam Sungai Ujong. Berdasarkan persefahaman ini, Linggi dan Datuk Muda Linggi pula, secara tidak langsung telah kehilangan taraf kemerdekaannya dan mulai ‘bernaung’ dan menjadi sebahagian daripada Negeri Sungai Ujong. Justeru itu, dalam soal kepemimpinan, pemimpin atasan Datuk Muda ialah Datuk Kelana. Namun dalam hal naib kadi Linggi ini, aduan telah dibuat terus kepada pega-



wai pentadbir Inggeris dan tidak kepada Datuk Kelana sebagai tonggak Negeri Sungai Ujong.

3. Datuk Kelana pula sebagai ketua agama, adat dan adat istiadat Sungai Ujong (juga Linggi) tidak mengambil perhatian kepada rasa tidak puas hati 'rakyatnya' di Linggi yang telah disuarakan oleh wakil rasmi mereka, Datuk Muda Syed Ahmad, iaitu orang 'pilihan' Datuk Kelana sendiri.
4. Kes ini juga menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin adat, baik di lapisan mana sekali mereka berada terpaksa patuh kepada pihak Inggeris untuk membuat keputusan muktamad, hatta dalam hal ehwal agama dan adat serta adat istiadat sekalipun.

Pada 30 April 1941 Datuk Panglima Perang Omar telah meninggal dunia. Mungkin oleh sebab bahana Perang Dunia Kedua telah mulai dirasai di Malaya, maka pengisian pusaka tersebut telah tertangguh. Kekosongan ini telah berlangsung untuk selama lebih kurang dua tahun. Selepas perang tamat, barulah dicari pengganti pusaka tersebut. Syed Ahmad telah melantik Abdul Samad menjadi Datuk Perang yang baru pada 1 Oktober 1943, iaitu kira-kira setahun selepas Tanah Melayu diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera British (*British Military Administration* atau singkatnya BMA).

#### LINGGI SELEPAS PERANG DUNIA KEDUA

Pada penghujung tahun 1941 Perang Dunia Kedua telah sampai di Semenanjung Tanah Melayu. Mulai bulan Februari 1942 Semenanjung Tanah Melayu berada di bawah pemerintahan tentera Jepun sehingga pertengahan bulan Ogos 1945. Dalam tempoh tersebut pemerintahan Jepun, sebagai pemerintah yang pragmatis tidak membenarkan orang tempatan memberi perhatian kepada soal adat dan kebudayaan. Oleh sebab demikian keadaan seluruh negara, besar kemungkinan dalam zaman Jepun, para waris Linggi tidak ada ruang untuk membangkitkan soal adat mereka. Keadaan ini jelas terbukti dengan tiadanya pengisian pusaka Datuk Perang yang telah kosong sejak awal tahun 1941. Soal adat terpaksa diketepikan kerana masalah untuk 'terus hidup' dan *survival* adalah lebih utama dan kritikal.

Setelah Perang Dunia Kedua tamat, selama beberapa tahun, negara masih dalam keadaan kucar-kacir. Ini juga menyebabkan mengapa tidak ada persoalan besar yang timbul apabila Datuk Muda Syed Ahmad melantik Abdul Samad tanpa mengikut aturan giliran perut, menjadi Datuk Panglima Perang. Mungkin oleh sebab soal *survival* dan keadaan hidup adalah lebih diutamakan maka kelompok waris yang mempertahankan soal giliran tidak mempersoalkan atau menimbulkan bantahan. Keadaan kucar-kacir ini, bukan sahaja mematikan semangat waris-waris Linggi

menentang aturan perlantikan Datuk Panglima Perang, tetapi telah juga menjadi salah satu sebab mengapa pada pertengahan tahun 1948 kerajaan British mengisytiharkan keadaan darurat bagi seluruh negara. Undang-undang darurat digunakan untuk menindas sesiapa sahaja yang menunjukkan sikap menentang pihak berkuasa Inggeris. Keadaan dan suasana negeri yang kritikal ini telah turut memperlanjatkan sikap para waris Linggi untuk menyamping dan mengalihkan rasa tidak puas hati mereka terhadap penyelewengan adat dan aturan perlantikan Datuk Muda. Di samping itu, antogaris utama aturan baru itu, Mohamad Said, dua tahun selepas Jepun berundur telah meninggalkan Semenanjung Tanah Melayu. Pada tahun 1947 beliau telah pergi ke England untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kedoktorannya. Beliau telah balik ke tanah air pada penghujung tahun 1949.

Sekembalinya ke Malaya, pada tahun itu juga (1949), Mohamad Said bersama dengan Datuk Panglima Perang Abdul Samad dan Salleh bin Bulat telah mengunjungi Datuk Muda Syed Ahmad di tempat kediamannya. Mereka telah meminta Syed Ahmad menghapuskan sistem berperut itu. Syed Ahmad menolak permintaan mereka itu atas alasan beliau sendiri pun dilantik oleh Datuk Kelana berdasarkan aturan itu. Beliau juga menyatakan bahawa Datuk Kelana Maamor sudah pasti tidak mahu menimbangkan permintaan itu jika dipanjangkan kepadanya. Untuk menyejukkan hati dan meredakan perasaan pembangkang sistem itu, Syed Ahmad menyatakan bahawa Abdul Samad telah dilantik sebagai Datuk Panglima Perang dalam tahun 1943 tanpa mengikut aturan giliran perut.

Semasa Syed Ahmad menjadi Datuk Muda, beliau telah melakukan beberapa tindakan yang menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan waris-waris Linggi. Antara tindakannya ialah:

1. Syed Ahmad telah melanjutkan amalan Datuk Muda Hasan, iaitu membahagikan waris-waris Linggi kepada dua kategori.
  - (a) *anak pusaka*—mereka yang disusur-galurkan keturunan berdasarkan jurai bapa atau mengikut sistem nasab bapa.
  - (b) *anak waris*—mereka yang keturunannya disusur-galurkan mengikut darah ibu atau sistem nasab ibu.
2. Syed Ahmad telah menghentikan pemberian pencen kepada anak pusaka yang telah meninggal dunia. Pencen si mati yang sepatutnya dipusakai oleh anak-anak si mati telah diambil oleh Syed Ahmad sama ada dimasukkan ke dalam pencennya sendiri atau dibahagi-bahagikan kepada waris-waris lain sebagai pencen tambahan.

Pada sekitar awal tahun 1950-an waris-waris Linggi telah membuat rayuan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Lokman bin Yusof yang juga seorang waris Linggi, terhadap 'salah laku' Syed Ahmad. Satu siasatan telah dijalankan oleh Pegawai Daerah Port Dickson atas arahan Setiausaha Kerajaan. Hasil siasatan itu mendapati bahawa tuduhan ter-

hadap Datuk Muda Syed Ahmad itu adalah benar, tetapi pihak kerajaan tidak dapat mengambil sebarang tindakan. Mengikut Datuk Muda Syed Ahmad beliau bertindak sedemikian itu (khususnya yang berkaitan dengan pencen pusaka) kerana mengikut arahan yang diberikan oleh Datuk Kelana Maamor yang telah meninggal dunia pada tahun 1945. Justeru itu, perbuatan 'salah laku' Datuk Muda Syed Ahmad itu lenyap begitu sahaja.

#### PERLANTIKAN YAHYA BIN ABU SEBAGAI DATUK MUDA LINGGI

Pada 1 Mei 1959 bersamaan 23 Syawal 1378 Hijrah, hari Jumaat, Datuk Muda Syed Ahmad bin Syed Mohamad telah meninggal dunia. Pihak waris-waris Linggi yang tidak puas hati dengan aturan bergilir mengikut perut dalam melantik Datuk Muda telah mengambil peluang ini untuk mengubah semula aturan itu dan balik kepada aturan yang asal. Keadaan politik negara pada ketika itu juga telah berubah. Malaya atau lebih dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu telah pun mencapai kemerdekaannya untuk lebih kurang dua tahun. Kuasa pentadbiran pada ketika itu telah berada dalam tangan orang Melayu. Rakyat sedar akan hak keindividuan serta juga hak bersuara mereka.

Selepas sahaja kematian Datuk Muda Syed Ahmad, Datuk Panglima Besar Haji Yahya bin Abu, Mohamad bin Pok dan Kadi Haji Alias telah pergi ke Seremban menghadap Datuk Kelana Mohamad Kassim memberitahu tentang kematian Datuk Muda itu. Dalam pertemuan itu diputuskan bahawa Datuk Panglima Besar Yahya akan menggantikan Datuk Muda. Mohamad bin Pok pula akan dilantik menjadi Datuk Panglima Besar, pusaka yang dikosongkan oleh Yahya.

Sembilan hari selepas kematian Datuk Muda itu, Datuk Panglima Besar Yahya telah datang mengunjungi rumah Datuk Laksamana Abdul Samad yang sedang sakit. Tujuannya adalah untuk menjemput Abdul Samad menghadiri mesyuarat mencari ganti Datuk Muda. Datuk Laksamana tidak dapat menghadiri mesyuarat itu kerana terlalu uzur. Mesyuarat itu telah berlangsung tanpa kehadiran Datuk Laksamana. Dalam mesyuarat itu telah diputuskan bahawa Yahya bin Abu Datuk Panglima Besar menjadi Datuk Muda yang baru. Keputusan mesyuarat itu telah diumumkan kepada orang ramai dalam satu perhimpunan yang diadakan di rumah Datuk Panglima Besar Yahya pada 14 Mei 1959. Ini bermakna aturan bergilir mengikut perut masih diteruskan.

Keputusan mesyuarat itu tidak disenangi oleh kelompok yang menentang, iaitu golongan anak pusaka. Namun mereka tidak menjalankan sebarang tindakan menentang, bukan atas dasar mereka merestui perlantikan Yahya bin Abu, tetapi atas permintaan ketua mereka Mohamad Said yang disampaikan melalui Salleh bin Bulat apabila beliau melaporkan tentang keputusan mesyuarat itu kepada Mohamad Said. Selain memberitahu

Mohamad Said tentang keputusan tersebut, Salleh bin Bulat juga telah menyampaikan berita itu kepada Datuk Laksamana Abdul Samad.

Setelah Mohamad Said mendapat tahu tentang perlantikan Datuk Panglima Besar Yahya itu dia terpaksa memilih antara dua perkara:

1. Memperbetulkan aturan perlantikan Datuk Muda mengikut cara asal.
2. Meneruskan kerjayanya sebagai wakil rakyat Dewan Undangan Negeri.

Sejak awal tahun 1959, Mohamad Said sedang menghadapi masalah lain yang tidak kurang seriusnya daripada melakukan konfrontasi dengan Datuk Kelana yang dianggap sebagai perosak Adat Linggi asal. Masalah lain ialah kempen untuk pilihan raya umum kedua Persekutuan Tanah Melayu sedang rancak berjalan pada ketika itu. Mohamad Said sebagai wakil rakyat Dewan Undangan Negeri Sembilan bagi kerusi kawasan Linggi sedang sibuk berkempen untuk mempertahankan kerusinya. Antara dua pilihan itu, Mohamad Said telah memilih kerjayanya dahulu.

Keengganan beliau menentang perlantikan Yahya bin Abu sebagai Datuk Muda itu adalah atas sebab peribadi, iaitu seperti yang dinyatakan pada 29 September 1974<sup>10</sup> 'khuatir kempen pilihan raya bagi merebut semula kerusi Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Linggi akan gagal'. Daripada kenyataannya itu jelas bahawa sandainya beliau tidak menentang perlantikan Datuk Panglima Besar Yahya sebagai Datuk Muda, maka beliau akan mendapat sokongan padu daripada penduduk Linggi dalam pilihan raya umum 1959 itu. Kemenangan dalam pilihan raya itu bererti juga 'kerusi' Menteri Besar Negeri Sembilan sudah pasti berada dalam tangannya.

Selain itu, ada satu lagi sebab utama yang membuatkan Mohamad Said, untuk sementara waktu sanggup berkompromi dengan perlantikan Yahya itu. Pada hakikatnya, Mohamad Said secara tidak langsung bersetuju dengan perlantikan itu dengan satu syarat. Ketentuan atau syarat itu telah pun disanggupi oleh Yahya bin Abu beberapa hari (kira-kira dua hari) sebelum Datuk Syed Ahmad meninggal dunia. Pada hari berkenaan, mereka (Mohamad Said dan Datuk Panglima Besar Yahya, serta Haji Ahmad Lobak sebagai saksi) telah berunding dan mencapai persetujuan tentang bakal Datuk Muda. Berkaitan tentang 'perjanjian' ini Mohamad Said menyatakan:

Sebagai seorang doktor saya tahu penyakit Datuk Muda Syed Ahmad itu tentu sekali akan membawa maut. Oleh itu pada masa melawat Datuk Muda Syed Ahmad bersama-sama dengan Allahyarham Haji Ahmad Lobak dan Datuk (Panglima Besar) Yahya bin Abu saya telah meminta kepada Datuk (Panglima) Besar Yahya jika sekiranya saya tiada membantah dia dilantik menjadi Datuk Muda, beliau janganlah pula mengambil sebarang langkah melantik Datuk (Panglima) Besar baru dengan tiada berunding dahulu dengan saya, kerana saya khuatir kalau-kalau beliau pun terus melantik Datuk (Panglima) Besar baru mengikut sistem berperut-perut juga lagi. Datuk (Panglima) Besar Yahya pun berjanji kepada saya

dan Tuan Haji Ahmad Lobak bahawa beliau (Datuk Panglima Besar Yahya bin Abu) tidak akan berbuat demikian.

(Teks 'Ucapan Tan Sri Dato' Dr. Mohamad Said dalam Mesyuarat Waris-waris Linggi di Dewan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris, Linggi pada 29 September 1974').

Bagaimanapun, ketidakpuasan hati mereka ini disampaikan juga kepada pengetahuan Datuk Kelana Mohamad Kassim. Bantahan ini datang-nya daripada Datuk Panglima Perang Abdul Samad melalui sepucuk surat. Dalam surat itu, yang dituliskan oleh Mohamad Salleh bin Bulat atas permintaan Datuk Laksamana Abdul Samad yang uzur, memohon supaya Datuk Kelana Mohamad Kassim menanggungkan perlantikan tersebut. Tujuan penanggungkan itu ialah untuk memberi masa membuat penyelidikan secara mendalam akan kedudukan politik Adat Linggi. Dengan demikian segala yang kusut dapat dikemaskan. Perlantikan tersebut (1959) tidak perlu dicepatkan kerana pada masa mencari ganti Datuk Muda Mohamad Bastam dahulu, orang Linggi boleh menunggu sehingga 20 tahun sebelum pusaka itu diisi oleh Datuk Muda Hasan bin Pok. Permintaan Datuk Panglima Perang Abdul Samad ini tidak diindahkan oleh Datuk Kelana dan dianggap sebagai satu perbuatan yang mengada-ada sahaja (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:228).

Pada 24 Mei 1959 Yahya bin Abu Datuk Panglima Besar telah dilantik dengan rasminya oleh Datuk Kelana Mohamad Kassim dan Datuk Syahbandar sebagai Datuk Muda Linggi yang baru. Istiadat perlantikan ini hanya dihadiri oleh seramai 14 orang waris Linggi sahaja, iaitu sembilan orang lelaki dan empat orang perempuan. Walaupun demikian kecil jumlah waris yang hadir, yang tidak melambangkan sedikit pun akan kebulatan waris-waris, pengisytiharan itu tetap diteruskan.

Pada sekitar akhir bulan Julai 1959, iaitu tidak sampai dua bulan selepas Mohamad Said memenangi pilihan raya di Linggi dan kemudian dilantik menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Muda Yahya telah bercadang hendak melantik dan mengisytiharkan Mohamad bin Pok sebagai Datuk Panglima Besar yang baru tanpa berunding terlebih dahulu dengan Mohamad Said. Ini bererti Datuk Muda Yahya bin Abu telah mengingkari janjinya terhadap Mohamad Said. Datuk Muda Linggi yang baru itu telah memilih Datuk Panglima Besar yang baru dengan mengikut konsep perut. Upacara perlantikan itu diadakan di rumah Datuk Muda pada hari Ahad, 2 Ogos 1959.

Tindakan gelabah Datuk Muda Yahya ini telah menimbulkan gelombang reaksi dalam masyarakat Linggi. Sebagai tindak balas spontan pada pagi hari tersebut, kira-kira pukul 8.45 seramai lebih kurang 64 orang waris Linggi, lelaki dan perempuan telah mengadakan satu mesyuarat waris-waris di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris Linggi. Datuk Panglima

Perang Abdul Samad yang uzur telah juga hadir dalam mesyuarat itu walaupun beliau datang lewat, iaitu kira-kira jam 9.03. Beliau datang dipapah oleh Haji Abdullah, Abdul Rahim Jalal dan Abdullah bin Ambak. Tujuan perhimpunan itu adalah untuk mengembalikan cara-cara dan peraturan-peraturan Adat Linggi yang telah dibentuk oleh Datuk Awaludin dan Datuk Serilah tatkala meninggalkan Riau dan Rembau.

Mesyuarat itu bersetuju menubuhkan sebuah jawatankuasa bertindak yang terdiri daripada:

Pengerusi : Dr. Mohamad Said bin Mohamad  
 Setiausaha : Mohd. Som bin Harun  
 Ahli : Haji Ahmad bin Abdullah  
           Mohd. Attas bin Ahmad  
           Haji Abdul Jalal bin Pandak  
           Imam Ambak bin Ishak  
           Salleh bin Bulat

Mesyuarat itu juga bersetuju melantik Dr. Mohamad Said dan Salleh bin Bulat (Pak Long Salleh) menjadi jurucakap dalam pertemuan dengan Datuk Muda Yahya. Akhir sekali mesyuarat itu telah:

membincangkan perkara-perkara yang akan dikemukakan kepada Datuk Muda Yahya:

1. Menerangkan tujuan datang, iaitu meminta dikembalikan Adat Linggi yang sebenarnya—Adat Muafakat dan Kebulatan serta membentangkan salasilah Linggi menurut tawarikh dan cerita orang tua-tua Linggi.
2. Meminta agar segala perkara yang hendak dibuat pada masa yang akan datang mestilah mendapat kebulatan daripada waris-waris.
3. Istilah waris-waris mestilah meliputi segala anak cucu Datuk Awaludin dan Datuk Salleh.
4. Sebutan 'perut-perut' hendaklah dihapuskan.

(Teks 'Butir-butir Mesyuarat Waris-waris Linggi pada 2 Ogos 1959 (Ahad)').

Mesyuarat itu telah berakhir pada jam 10.15 pagi dan semua yang hadir telah berarak ke rumah Datuk Muda Yahya dengan diketuai oleh Mohamad Said, wakil rakyat Linggi dan juga Menteri Besar Negeri Sembilan. Mereka juga membawa sepanduk-sepanduk yang ditulis dengan perkataan-perkataan membantah amalan Adat Linggi yang dipraktikkan pada masa itu.

Ketibaan rombongan waris-waris Linggi yang diketuai oleh Mohamad Said itu telah disambut dengan baik oleh Datuk Muda Yahya yang sedang mengadakan istiadat melantik Datuk Panglima Besar tetapi belum diisytiharkan secara rasmi. Rombongan Mohamad Said itu telah dijemput naik. Mohamad Said sebagai jurucakap telah menerangkan tujuan kedatangan mereka. Beliau kemudian telah merayu supaya perlantikan Datuk Panglima Besar itu ditangguhkan sahaja buat sementara sehingga selesai dikaji

akan kedudukan politik Adat Linggi yang sebenarnya. Selepas berbincang, permintaan itu dipersetujui oleh Datuk Muda Yahya, tetapi sebaik sahaja rombongan itu meninggalkan rumah Datuk Muda itu, beliau telah meneruskan juga perlantikan dan pengisytiharan Datuk Panglima Besar mengikut Adat Perpatih (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:230) dengan disaksikan oleh lima orang termasuk dua orang luar. Mereka yang hadir ialah Datuk Laksamana Abdul Kudus (yang membantah penerusan istiadat perlantikan itu), Ahmad bin Abas, Mohamad Noor bin Omar (seorang guru dan bukan orang Linggi) dan Maulud (juga seorang guru dan bukan orang Linggi).

#### DR. MOHAMAD SAID WIRA ADAT LINGGI

Perbuatan Datuk Muda Yahya meneruskan juga perlantikan Mohamad bin Pok sebagai Datuk Panglima Besar itu dianggap oleh ahli-ahli rombongan waris Linggi sebagai satu ejekan dan penghinaan terhadap mereka. Sebagai tindak balas terhadap 'kedegilan' Datuk Muda Yahya itu, pada penghujung tahun 1959, dua tindakan yang agak agresif, malahan boleh dikategorikan sebagai satu tindakan yang sangat drastik telah diperlihatkan oleh tokoh-tokoh masyarakat Linggi dalam melawan atau melakukan konfrontasi terhadap kekuasaan mutlak Datuk Kelana Sungai Ujong yang dilembagakan pada Datuk Muda Linggi dalam masalah Adat Linggi.

Tindakan drastik pertama berlaku pada 27 September 1959. Pada hari tersebut Mohamad Said telah mengumpulkan seramai lebih kurang 125 orang waris daripada dalam dan luar wilayah Linggi di Sekolah Rendah Inggeris Linggi. Selain itu, seramai 60 orang yang tidak dapat hadir telah menulis surat memberi proksi kepada Mohamad Said. Seramai 13 orang pemerhati, termasuk Abdul Aziz bin Ismail, Pegawai Daerah Port Dickson dan Noh bin Abdullah, Penolong Pegawai Daerah Port Dickson, juga turut serta dalam perhimpunan itu. Datuk Muda Yahya bin Abu yang telah diminta mempengerusikan majlis tersebut, serta pengikut-pengikutnya, juga telah diundang; tetapi mereka tidak hadir. Tujuan perhimpunan atau mesyuarat itu ialah:

1. Membincangkan berkenaan Adat Linggi yang asli.
2. Menghapuskan adat berperut-perut.
3. Membincangkan kedudukan Datuk Muda Yahya bin Abu yang 'degil'.

Dalam perhimpunan itu, selain Mohamad Said yang mengusahakan perhimpunan itu, seorang lagi tokoh Linggi telah muncul, iaitu Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih terkenal dengan nama Za'ba. Oleh sebab Datuk Muda Yahya tidak hadir untuk mempengerusikan majlis itu, Za'ba telah dipilih dan dilantik sebagai pengerusi majlis yang bersejarah itu. Za'ba bukan sahaja terkenal di kalangan masyarakat Linggi tetapi juga adalah seorang tokoh akademik dan tokoh kebudayaan dan bahasa nasional. Mun-

culnya Za'ba dalam perhimpunan itu merupakan panggilan tanggungjawab terhadap perjuangan adat masyarakat Linggi yang telah berpuluh tahun (bermula dari lebih kurang tahun 1931/32) dicairkan oleh Datuk Kelana Sungai Ujong yang berlindung di belakang kekuasaan penjajah Inggeris.

Mesyuarat itu akhirnya telah memutuskan dua tindakan, iaitu:

1. Berkenaan kedudukan Datuk Muda Yahya bin Abu—majlis memberi undi tidak percaya kepada Datuk Muda Yahya bin Abu. Tegasnya beliau dipecat daripada jawatan Datuk Muda Linggi.
2. Berkenaan dengan Adat Linggi—mesyuarat mengambil keputusan mengembalikan Adat Linggi yang asli: Adat Muafakat dan Kebulatan.

Keputusan mesyuarat itu telah dikirimkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan melalui sepucuk surat yang bertarikh 1 Oktober 1959. Tujuan pengirimannya adalah untuk dibentangkan dalam Majlis Eksekutif Negeri Sembilan. Dalam surat itu telah dijelaskan masalah Adat Linggi sebagai berikut:

A. Undi Tidak Percaya

1. Pada 2 Ogos 1959 seramai 68 orang waris-waris Linggi telah mengadakan satu rombongan ke balai Yang Mulia Datuk Muda Linggi; diketuai oleh Yang Berhormat Dr. Mohamad Said wakil rakyat Linggi; memohon beliau mengubah adat berperut-perut yang ada di Linggi sekarang kepada Adat Linggi yang asli. Hasilnya rayuan kami tidak diberi layanan yang adil dan saksama.
2. Setelah rombongan kami turun dari balai, beliau telah meneruskan perlantikan Datuk Panglima Besar menurut peraturan berperut-perut. Langkah yang Mulia Datuk Muda itu kami anggap sebagai satu penghinaan kepada kami.
3. Kami telah mempersilakan beliau dan penyokong-penyokongnya bagi menghadiri mesyuarat waris-waris pada 17 September 1959. Malangnya jemputan kami tidaklah dihiraukan.
4. Beliau tidak mengindahkan tuntutan kami untuk menyelesaikan soal-soal pencen waris-waris agar diberikan kepada waris yang berhak menerimanya.

B. Berkenaan dengan Adat

1. Adat Linggi yang ada sekarang bercorak Adat Perpatih, iaitu di dalam soal menyandang pembesar-pembesar Linggi saja, mengikut berperut-perut.
2. Dengan memakai adat yang bercorak Adat Perpatih itu hak kewarisan kami daripada keturunan bapa luput.
3. Kami berpendapat adalah adat kami yang asli Adat Muafakat dan Kebulatan bersesuaian dengan dasar demokrasi.

(Surat Jawatankuasa Linggi kepada  
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
bertarikh 1 Oktober 1959)

Tindakan drastik kedua ialah menahan pencen Datuk Muda dan Datuk Panglima Besar Linggi. Tindakan menahan pencen itu dilakukan melalui kuasa yang ada di tangan Mohamad Said sebagai Menteri Besar Negeri Sembilan. Sikap drastik yang diperlihatkan oleh Mohamad Said terhadap



kedua-dua pembesar Linggi itu berpunca daripada masalah perlantikan Mohamad bin Pok sebagai Datuk Panglima Besar. Sebagai dinyatakan Datuk Muda Yahya telah memungkiri janji yang dibuatnya dengan Mohamad Said di hadapan (saksi) Haji Ahmad Lobak. Mohamad Said telah merayu kepadanya pada 2 Ogos 1959 dalam satu pertemuan di rumah Datuk Muda. Menurut Mohamad Said 'segala hujah saya tiada dapat dijawab oleh Datuk Muda Yahya, melainkan apa yang disebutnya bertalu-talu ialah bahawa sistem berperut-perut dan bergilir-gilir berdasarkan keturunan dari sebelah perempuan itu telah diterima dan disahkan oleh Datuk Kelana dan ia sendiri tiada berkuasa mengubahnya' (Teks ucapan 1974).

Oleh sebab kedegilan Datuk Muda Yahya tidak mahu tunduk kepada kehendak kebanyakan ahli waris Linggi, Mohamad Said menyatakan 'apakah saya dapati bahawa Datuk Muda tidak mahu beranjak seinci jua pun daripada pendiriannya, dengan berpegangan nasihat Undang-undang Negeri Sembilan bahawa menurut kekuatan Undang-undang atau *Ordinance Financial Procedure Enactment*, Menteri Besar berkuasa menahan sebarang bayaran dari kumpulan Wang Negeri, saya pun terus bertindak menahan Datuk Muda dan Datuk Besar yang baru dilantiknya' (Teks ucapan 1974).

Dua bentuk tindakan yang sama sekali tidak diduga yang dilakukan oleh waris-waris Linggi melalui Mohamad Said dan Za'ba itu sangat mengejutkan pihak kerajaan Negeri Sembilan. Ini disebabkan tindakan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh itu tidak pernah berlaku dalam sejarah Linggi khususnya dan Negeri Sembilan amnya, dan melibatkan pula mereka yang berpendidikan Inggeris yang biasanya tidak mengaitkan diri dengan hal-hal yang menyentuh soal adat tradisional. Dan lagi selama pertumbuhan kekuasaan Datuk Kelana Sungai Ujong yang mutlak itu sejak tahun 1874, inilah kali pertamanya muncul satu tindakan yang sangat berani.

Memandangkan keadaan yang kurang sihat dengan adanya dua tindakan drastik itu, Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan telah bersetuju mengadakan sebuah jawatankuasa empat orang untuk menyiasat serta menentukan politik adat di Linggi. Jawatankuasa tersebut adalah dipengerusikan oleh Datuk Abu Bakar bin Omar Datuk Syahbandar Sungai Ujong dengan ahli-ahlinya terdiri daripada Datuk Sheikh Ahmad al Haj bin Sheikh Mustafa, Ibrahim bin Haji Mansor, dan Mohamad Sharif bin Abdul Samad Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Jawatankuasa itu telah menjalankan siasatannya serta membuat satu laporan yang mencadangkan bahawa pada masa hadapan sebaik-baik cara bagi melantik Datuk Muda Linggi hendaklah mengikut cara pilihan raya oleh waris-waris Linggi. Semasa pernyataan itu dibentangkan, Dewan Keadilan dan Undang tidak sekali menyentuh kedudukan Datuk Muda Yahya dan Datuk Panglima Besar Mohamad bin Pok. Ini bererti Dewan Keadilan dan Undang, walaupun bersetuju bahawa Adat Linggi itu bukan Adat Perpatih tetapi ia tetap

## SEJARAH LINGGI

menyatakan perlantikan kedua-dua pembesar Linggi itu adalah sah dan mendapat persetujuan daripada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan.<sup>11</sup>

Orang Linggi berasa tidak puas hati dengan keputusan Dewan Keadilan dan Undang yang mengesahkan perlantikan Datuk Muda Yahya bin Abu itu. Pada 30 Mei 1960, melalui sepucuk surat, mereka telah memberitahu Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan bahawa mereka akan membawa perkara itu ke mahkamah tinggi. Yang Dipertuan Besar telah menahan orang Linggi daripada berbuat sedemikian kerana perkara adat adalah luar daripada lingkungan mahkamah tinggi (Surat Bil. (9) dalam Astana Sulit, 6/60, para 3).

Keadaan tegang tentang Adat Linggi ini berterusan tanpa sebarang penyelesaian konkrit. Sungguhpun Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan telah meluluskan pembayaran pencen Datuk Panglima Besar, Mohamad Said dengan kuasa yang ada padanya sebagai Menteri Besar tetap tidak berganjak daripada keputusannya menahan pembayaran pencen itu. Pencen-pencen yang ditahan itu hanya dibayar selepas Mohamad Said berundur daripada menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan pada tahun 1969.

Daripada huraian di atas nyatalah bahawa perjuangan yang gigih dan dengan satu kebulatan tekad daripada orang Linggi pimpinan Mohamad Said telah melakukan konfrontasi terhadap sistem kekuasaan Datuk Kelana, tidak sahaja terbatas kepada penolakan konsep perut ala Adat Perpatih; tetapi juga melibatkan pola tingkah laku Datuk-Datuk Muda Linggi, iaitu Hasan bin Pok, Syed Ahmad bin Syed Mohamad dan Yahya bin Abu, selama mereka menduduki jawatan tersebut. Pada kesempatan yang baik (1959) dan dengan dipimpin oleh Mohamad Said, perasaan yang terpendam itu meledak. Hasilnya Adat Linggi itu diakui sebagai bukan Adat Perpatih. Namun, dari segi lain mereka kurang berjaya mengembalikan sistem Adat Linggi yang asli, khususnya dalam atur cara perlantikan pembesar-pembesar adat. Kejayaan yang dicapai oleh orang Linggi selepas berjuang hampir 30 tahun hanya merupakan kemenangan yang terbatas.

## PEMULIHAN ADAT LINGGI

Datuk Muda Yahya bin Abu telah meninggal dunia pada 9 Ogos 1974. Kepimpinan beliau selama lebih kurang 15 tahun dapat dikatakan berlangsung tanpa sokongan yang ikhlas daripada sebahagian besar rakyat Linggi. Zaman 'pemerintahannya' yang merupakan dunia bayangan masa lampau sentiasa berada dalam keadaan tegang antara beliau dengan anggota masyarakat yang dipimpinnya. Beliau, yang berpegang kepada sisa-sisa kewibawaan Datuk Kelana Sungai Ujong, telah memaksa dirinya untuk memimpin terus, meskipun secara formal, majoriti anggota masyarakat yang 'mengakui' kepimpinannya telah memecat beliau secara tidak terhormat.

mat. Profail kepimpinan Datuk Muda Yahya adalah sebuah profail daripada peninggalan sejarah silam yang menekankan faktor kekuasaan, reaksioner dan konservatif dalam mempertahankan pola tingkah laku kekuasaannya. Beliau telah berjaya menempatkan dirinya dalam sebuah dunia yang terpisah daripada kenyataan sosial kehidupan masyarakat sekitarnya. Di samping itu, jawatan Datuk Muda Linggi itu paling tidak merupakan lambang daripada kekuasaan masa lampau, dan lambang itu sekali gus merupakan kewujudan atau penjelmaan daripada kewibawaan sistem kekuasaan yang berlaku di Negeri Sembilan khususnya dan di Semenanjung Malaysia amnya. Faktor terakhir inilah yang menjadi kekuatan yang tidak terkalahkan oleh pihak Mohamad Said yang merupakan wakil kekuatan sosial yang membawa unsur baru terutama dalam pemikiran. Oleh demikian, apa pun tindakan yang dilakukan oleh anggota masyarakat terhadapnya, termasuk pemecatan terhadap dirinya, penahanan wang pencennya dan reaksi-reaksi yang tajam terhadap pola tingkah laku ketamakannya, tidaklah menjadi persoalan dan masalah besar bagi dirinya. Segala bentuk ciri dalam profail kepimpinannya sebagai wakil daripada satu kekuatan sosial yang telah mantap dengan konsep pemikiran tradisional dan konservatif itu telah berhasil dipertahankan dan menjadi faktor utama mengapa kepimpinannya dapat bertahan sampai ke akhir hayatnya. Pemergiannya itu disertai dengan hilangnya dunia impian yang telah berhasil dipertahankannya dengan gigih (Hamid Abdullah, 1984:221-3).

Walaupun Dewan Keadilan dan Undang telah mengesahkan bahawa Adat Linggi itu bukan Adat Perpatih dan perlantikan Datuk Muda hendaklah dilakukan secara pilihan raya oleh waris-waris Linggi, namun pada hari pengebumian jenazah Datuk Muda Yahya, telah timbul perbalahan yang hampir-hampir mencetuskan pergaduhan. Semasa jenazah Allahyarham masih terbujur menunggu masa untuk diuruskan, Abu Zaharin bin Haji Maulud dengan disokong oleh beberapa orang waris-waris tua daripada perut Hilir telah mengisytiharkan dirinya sebagai Datuk Muda yang baru. Perbuatan Abu Zaharin dan waris-waris perut Hilir itu telah menimbulkan kemarahan di kalangan ahli keluarga Datuk Muda Yahya kerana mereka tidak dibenarkan memandikan jenazah Allahyarham selagi perlantikan Abu Zaharin itu tidak 'dibulatkan' oleh waris-waris Linggi. Bagaimanapun, pergaduhan ini dapat dihindarkan setelah campur tangan pihak polis dan beberapa orang tua Linggi. Waris-waris perut Hilir bersetuju menanggukkan perlantikan itu sehingga ke satu masa kemudian.

Sementara itu, waris-waris Linggi yang menentang adat bergilir berdasarkan perut telah juga membuat rancangan bagi meneruskan perjuangan mereka. Mereka telah membentuk satu jawatankuasa sementara yang dinamakan Jawatankuasa Sementara Waris-waris Linggi, terdiri daripada 15 orang anggota yang dipengerusikan oleh Harun bin Abdul Hadi. Jawatankuasa tersebut memutuskan untuk mengadakan satu mesyuarat atau per-

himpunan waris-waris. Dalam perhimpunan itu, mereka akan mengundi secara pilihan raya untuk memilih seorang Datuk Muda. Jawatankuasa itu telah menetapkan tarikh 29 September 1974 sebagai hari perhimpunan itu dan bertempat di dewan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris Linggi.

Pada hari mesyuarat itu, seramai lebih kurang 230 orang waris-waris Linggi telah mendaftarkan diri. Mohamad Said telah dilantik untuk memengerusikan majlis. Dalam ucapan alu-aluannya yang panjang yang memakan masa lebih satu jam itu, beliau telah menceritakan antara lain sejarah yang menunjukkan Adat Linggi bukan Adat Perpatih, perjuangan yang dijalankan olehnya semenjak tahun 1932 untuk menentang pelaksanaan Adat Perpatih di Linggi, dan paksaan terhadap penerimaan adat tersebut oleh Datuk Kelana ke atas penduduk Linggi.

Pemilihan Datuk Muda yang diadakan dalam mesyuarat itu tidak menghasilkan apa yang diharapkan oleh sebahagian masyarakat Linggi. Pelaksanaan pemilihan itu dapat dikatakan tidak berjalan dengan licin. Ini disebabkan pada masa menamakan calon, satu masalah yang tidak diduga sebelumnya telah timbul.

Mohamad Said, pengerusi mesyuarat itu mempunyai calonnya sendiri, iaitu Haji Mohamad Yusof bin Ahmad.<sup>12</sup> Beberapa hari sebelum mesyuarat itu diadakan, beliau telah datang ke rumah Mohamad Yusof meminta persetujuannya untuk dicalonkan sebagai Datuk Muda. Pada mulanya, Mohamad Yusof menolak permintaan itu kerana beliau tidak mahu terlibat secara langsung dalam konflik itu, tambahan pula, beliau telah tua dan uzur. Bagaimanapun Mohamad Said telah memaksanya menerima juga dengan mengemukakan berbagai-bagai alasan malahan hingga mengancam tidak akan menjejakkan kakinya lagi ke rumah Mohamad Yusof sekiranya beliau tidak bersetuju.<sup>13</sup> Mohamad Said tidak menghendaki calon lain selain Mohamad Yusof untuk menjadi Datuk Muda Linggi.

Sesuai dengan kehendak Mohamad Said itu, Abdul Kadir bin Mohamad telah mencalonkan Haji Mohamad Yusof sebaik sahaja majlis dibuka untuk menamakan calon. Cadangan Abdul Kadir ini telah disokong oleh Harun bin Abdul Hadi. Kedua-dua pencadang dan penyokong itu ialah ahli jawatankuasa penganjur mesyuarat itu. Berikutan dengan itu, Kassim bin Harun<sup>14</sup> telah pun mengemukakan calonnya, Haji Ismail bin Haji Jalal yang juga ialah seorang ahli jawatankuasa pengelola. Pencalonan ini sebenarnya satu hal biasa sahaja, tetapi Mohamad Said sebagai pengerusi dengan bengis (Shaari bin Awaludin, 1978/79:12) serta-merta menolak pencalonan yang dibuat oleh Kassim tersebut. Alasan yang dikemukakan oleh Mohamad Said, Ismail ialah seorang ahli jawatankuasa, maka dengan itu tidak berkelayakan menjadi calon kerana itu bererti si calon akan memilih dirinya sendiri. Dalam perkembangan berikutnya, suasana majlis pemilihan menjadi tegang, masing-masing cuba mempertahankan pendirian mereka. Akhirnya sidang dihentikan oleh Mohamad Said.

Pada masa mesyuarat 'tertangguh' itu, Mohamad Said telah berunding dengan ahli-ahli jawatankuasa dan meminta Haji Ismail menarik diri, tetapi beliau enggan. Setelah tidak mendapat sebarang keputusan, Mohamad Said telah merayu kepada majlis supaya memujuk Haji Ismail menarik diri. Untuk mengelakkan pertelingkahan daripada berlanjutan, Kassim bin Harun dengan persetujuan calonnya, Haji Ismail telah menarik semula pencalonannya itu dengan menyatakan bahawa beliau mengemukakan calon itu dengan fahaman bahawa setiap ahli waris Linggi berhak dicalonkan dan mencalonkan (Shaari bin Awaludin, 1978/79:13).

Selepas penarikan pencalonan ke atas Haji Ismail itu, mesyuarat disambung semula dan Mohamad Said telah meminta pencalonan yang lain. Mungkin para hadirin takutkan sikap autokratik Mohamad Said itu, para ahli mesyuarat tidak lagi mengemukakan calon lain. Dengan itu, mesyuarat tersebut telah 'sebulat suara' memilih Haji Mohamad Yusof bin Ahmad sebagai Datuk Muda Linggi (Shaari bin Awaludin 1978/79:13).

Walaupun Kassim bin Harun telah menarik pencalonannya, namun daripada komen bernada sinis nyata beliau tidak berpuas hati dengan sikap Mohamad Said. Perasaan tidak puas hati ini, pada keesokannya telah dilahirkan dalam surat bantahannya kepada Datuk Kelana Sungai Ujong. Dalam surat itu, di samping menyatakan rasa tidak puas hatinya dan juga penyokong-penyokong Haji Ismail, beliau juga menganggap mesyuarat itu tidak sah kerana sepatutnya ia dijalankan oleh Pegawai Daerah Port Dickson mengikut keputusan yang telah diambil oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, dan bukan oleh jawatankuasa yang tidak dilantik oleh mana-mana pihak pun. Kassim seterusnya meminta Datuk Kelana supaya tidak mengiktiraf Datuk Muda yang baru dilantik itu (Haji Mohamad Yusof bin Ahmad) dan mencadangkan agar jawatan itu digantung selama satu tahun.

Datuk Kelana yang tidak bersetuju dengan pemilihan Datuk Muda secara pilihan raya itu, telah menggunakan surat Kassim ini sebagai bukti bahawa waris Linggi belum lagi bulat telur terkupas seperti yang dikehendakinya. Apabila orang Linggi menyampaikan nama Mohamad Yusof bin Ahmad sebagai calon menggantikan Datuk Muda yang baru untuk diisytiharkan, Datuk Kelana tidak menerima perlantikan itu. Berikutan penolakan ini, Dewan Keadilan dan Undang telah mengadakan beberapa kali mesyuarat untuk mendapatkan persetujuan Datuk Kelana agar perlantikan Mohamad Yusof itu disahkan; namun beliau tetap dengan pendiriannya (Shaari bin Awaludin, 1978/79:14-5).

Sementara itu, di kalangan waris Linggi yang menyokong adat berperut-perut juga menghadapi krisis untuk menamakan calon mereka. Abu Zaharin bin Haji Maulud yang telah balik bertugas di Johor Baharu selepas pengebumian Datuk Muda Yahya telah diberitahu oleh Mohd. Shah bin Mohd. Jan bahawa Datuk Panglima Besar Mohamad bin Pok telah merangka

untuk naik jadi Datuk Muda. Untuk mendapatkan sokongan, beliau telah menawarkan jawatan Datuk Panglima Besar kepada Mohd. Shah. Dengan demikian, Abu Zaharin dan waris-waris lain daripada perut Hilir mesti bekerjasama mencari jalan bagi menggagalkan rancangan Datuk Panglima Besar Mohamad itu.

Abu Zaharin telah meletakkan jawatannya dan balik ke Linggi. Dengan bersenjatakan salasilah dan 'terombo' yang diperolehinya daripada Datuk Muda Yahya, Abu Zaharin dengan waris-waris perut Hilir telah menghadap Datuk Kelana tanpa melalui Datuk Panglima Besar. Datuk Kelana telah bersetuju dengan bantahan ahli waris perut Hilir itu dan menegaskan bahawa giliran penyandang Datuk Muda kali ini ialah calon daripada perut Hilir. Dengan pengakuan itu, usaha Datuk Panglima Besar Mohamad untuk menyandang pusaka Datuk Muda itu gagal.

Menyedari kemungkinan beliau tidak akan berjaya menyandang pusaka itu, Datuk Panglima Besar terpaksa menjalankan tugasnya untuk mengumpulkan waris-waris tua dalam perut Hilir bagi memilih seorang calon. Pada 1 Disember 1974, dengan disokong oleh lapan orang waris perut Hilir dan tiga orang waris perut Solok, Datuk Panglima Besar Mohamad telah memilih Mohd. Shah bin Mohd. Jan sebagai calon Datuk Muda untuk dikemukakan kepada Datuk Kelana.

Pencalonan Mohd. Shah bin Mohd. Jan ini tidak dipersetujui oleh Abu Zaharin bin Haji Maulud. Beliau berpendapat, Mohd. Shah dengan memihak kepada Datuk Panglima Besar telah berpaling tadah dan memperalatkannya untuk kepentingan dirinya (Mohd. Shah) sendiri. Abu Zaharin telah sanggup meletak jawatan untuk bersama memperjuangkan hak keluarganya dengan persetujuan bahawa pusaka Datuk Muda itu akan diserahkan kepadanya. Mungkin oleh sebab ini atau atas sebab-sebab lain, pencalonan Mohd. Shah yang dikemukakan oleh Datuk Panglima Besar itu tidak dipersetujui oleh Datuk Kelana.

Memandangkan pertelingkahan di Linggi itu makin berlanjutan, Dewan Keadilan dan Undang berasa perkara tersebut tidak boleh dibiarkan begitu sahaja; dan lebih lama dibiarkan ia akan menjadi lebih rumit. Oleh yang demikian, Dewan Keadilan dan Undang telah mengambil keputusan:

... supaya mengarahkan Pegawai Daerah Port Dickson mengadakan pemilihan Datuk Muda Linggi. Dalam perjumpaan tersebut, wakil-wakil daripada Yang Amat Mulia Datuk Undang Luak Sungai Ujung, Yang Amat Mulia Datuk Syahbandar dan Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang hendaklah turut hadir menyaksikan perjumpaan itu dan hendaklah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Port Dickson, dan segala urusan berkenaan dengannya juga dijalankan oleh Pegawai Daerah.

(Surat Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang,  
Negeri Sembilan kepada Tuan Setiausaha Kerajaan  
Negeri Sembilan bertarikh 11 Julai 1975)

Keputusan di atas telah diarahkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan yang kemudiannya mengarahkan pula Pegawai Daerah Port Dickson mengambil langkah seterusnya. Pegawai Daerah Port Dickson juga diminta supaya pemilihan itu mestilah mengikut cara pilihan raya umum. Satu Jawatankuasa Mesyuarat Ramai Waris-waris Linggi telah ditubuhkan pada 10 Jun 1975. Tujuan penubuhan jawatankuasa itu hanya mengendalikan pilihan raya pemilihan itu sahaja. Ia tidak berkuasa untuk menentukan cara pemilihan sama ada mengikut adat atau cara-cara lain. Jawatankuasa ini terdiri daripada:

- Pengerusi : En. Shahadan bin Haji Abd. Manan  
(Pegawai Daerah Port Dickson)
- Ahli-ahli : Tuan Haji Mohd. Talha bin Haji Abd. Rahman  
(S/U Dewan Keadilan dan Undang, Negeri Sembilan)
- En. Hassan bin Mohd. Zain  
(Penolong Pegawai Daerah II)
- En. Abd. Hamid Mustapha  
(Ketua Polis Daerah Port Dickson)
- Yang Berhormat Abd. Samad bin Said  
(Wakil Rakyat Linggi)
- En. Mokhtar Ambak  
(Penghulu Linggi)
- Tuan Hj. Abdullah bin Haji Sijang  
(Kadi Daerah Port Dickson)
- En. Mohd. Yusof bin Idris  
(Pegawai Penerangan Daerah Port Dickson)
- En. Mohd. Yusof bin Taib  
(Ketua Kampung, Kampung Permatang Pasir)
- En. Maakib bin Hussein  
(Ketua Kampung, Kampung Tampin Linggi)
- En. Mansor Lembik  
(Ketua Kampung, Kampung Linggi)

Untuk mengemaskan perjalanan pilihan raya itu, satu Jawatankuasa Urusan Pilihan telah dibentuk. Mereka terdiri daripada:

- Pengerusi : En. Shahadan  
Setiausaha : En. Hassan Mohd. Zain  
Pegawai Pendaftaran : En. Mokhtar bin Ambak

#### SEJARAH LINGGI

Penolong Pegawai Pendaftaran : En. Mansor Lembik  
En. Mohd. Yusof Taib  
En. Maakib Hussein

Satu jadual kerja telah ditetapkan seperti berikut:

1 Julai 1975–30 Julai 1975	: Pendaftaran pengundi
1 Ogos 1975–7 Ogos 1975	: Persiapan senarai waris-waris Linggi
8 Ogos 1975–15 Ogos 1975	: Bantahan
16 Ogos 1975–31 Ogos 1975	: Semakan bantahan
1 September 1975–8 September 1975	: Persiapan akhir daftar waris- waris
27 September 1975	: Hari penamaan calon
12 Oktober 1975	: Hari mengundi

Alat-alat kelengkapan yang disediakan untuk tujuan pemilihan itu ialah:

Tempat mengundi	: Sekolah Inggeris Linggi, Linggi
Peti Undi	: 4 buah
<i>Tray</i>	: 8 buah
Bilik mengundi	: 4 buah bilik darjah
Tenaga Kerja	: 4 orang ketua tempat mengundi 8 orang kerani tempat mengundi 4 orang kerani mengira undi

(Mohd. Ali bin Dahlan, 1976:245-6)

Sementara itu, kelompok Datuk Panglima Besar Mohamad telah mengadakan mesyuarat ahli-ahli waris perut Hilir pada 29 Jun 1975. Tujuan mesyuarat itu adalah untuk mendapatkan kata sepakat mencari ganti calon yang ditolak oleh Datuk Kelana. Hasil daripada perjumpaan itu, para waris perut Hilir telah berkebulatan menyerahkan jawatan itu kepada Abu Zaharin bin Haji Maulud. Kebulatan para waris memilih Abu Zaharin itu telah dilaporkan oleh Datuk Panglima Besar Mohamad kepada Datuk Kelana melalui surat pengakuan Mohd. Shah memulangkan pusaka itu kepada Abu Zaharin.

Proses pilihan raya pemilihan anjuran Dewan Keadilan dan Undang di bawah kelolaan Pegawai Daerah Port Dickson itu berjalan terus. Menjelang hari pembuangan undi, tanpa disedari masyarakat Linggi telah terbahagi kepada beberapa kelompok sosial. Setiap kelompok itu mempunyai pendirian yang berbeza-beza tentang siapa yang seharusnya dipilih menjadi Datuk Muda Linggi.<sup>15</sup> Kelompok-kelompok itu ialah:

1. Kelompok yang menamakan diri mereka waris lama. Kelompok ini terdiri daripada ahli-ahli perut Hilir. Kelompok ini pada mulanya terbahagi kepada dua:



- (a) Penyokong Mohd. Shah bin Mohd. Jan
- (b) Penyokong Abu Zaharin bin Haji Maulud

Kelompok ini bagaimanapun telah bersatu semula pada akhir Jun apabila Mohd. Shah berkompromi dan memberi sokongan kepada Abu Zaharin.

2. Kelompok penyokong Mohamad Said yang mencalonkan Mohamad Yusof bin Haji Ahmad.
3. Kelompok Kassim bin Harun yang mencalonkan Haji Ismail bin Haji Jalal.

Pada 27 September 1975, iaitu hari penamaan calon, dua orang calon daripada dua kumpulan, iaitu kumpulan Mohamad Said dan Kassim Harun sahaja yang telah menghantar kertas pencalonan di Pejabat Daerah Port Dickson. Mereka ialah Haji Yusof bin Haji Ahmad yang dicadangkan oleh Abdul Kadir Mohamad dengan disokong oleh Harun bin Hadi dan Haji Ismail bin Haji Jalal atas cadangan Mohd. Som bin Harun dan disokong oleh Ahmad bin Jalal. Kedua-dua calon ini pernah dicalonkan dalam mesyuarat pemilihan kira-kira setahun sebelum itu (29 September 1974). Selepas penamaan calon, kedua-dua calon itu telah menjalankan kempen masing-masing, sama ada dengan menemui para pengundi dari rumah ke rumah atau menghantar risalah-risalah.

Pada 12 Oktober 1975, seramai 541 orang daripada 841 orang yang mendaftar sebagai pengundi telah menghadiri 'Mesyuarat Ramai Waris-warisi Linggi'. Setelah diberikan penerangan oleh pengerusi, orang Linggi telah menjalankan pengundian yang berlangsung dari pukul 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari. Apabila selesai pengiraan undi, didapati Haji Ismail telah mengatasi undi lawannya Mohamad Yusof bin Ahmad dengan kelebihan 25 undi.

Walaupun pemilihan telah selesai dengan Haji Ismail keluar sebagai pemenang, namun tugas mengisytiharkan siapa sebenarnya Datuk Muda Linggi yang baru adalah terserah kepada keputusan Dewan Keadilan dan Undang, tetapi tidak mendapat pengesahan daripada Datuk Kelana. Beliau tetap dengan pendiriannya, iaitu tidak akan mengiktiraf mana-mana calon selagi ia tidak dilantik mengikut adat. Cara 'adat' yang dimaksudkan oleh Datuk Kelana itu adalah bergilir mengikut perut dan mencapai kebulatan 'bulat telur terkupas'.

Pertelingkahan ini menyebabkan pusaka Datuk Muda itu tergantung untuk lebih kurang setahun lagi. Akhirnya pada 10 April 1976, Datuk Kelana telah berjaya mengatasi kemahuan semua pihak, termasuk keputusan pilihan raya anjuran Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan. Pada tarikh tersebut, Datuk Kelana Putera Mohd. Kassim bin Datuk Nika Haji Abdul Rashid, Undang Luak Sungai Ujong dengan rasminya mengisytiharkan Abu Zaharin bin Haji Maulud sebagai penyandang pusaka Datuk Muda Linggi yang ke-8.

'Pemerintahan' Datuk Muda Abu Zaharin juga tidak sentiasa berjalan dengan aman. Krisis yang paling besar dihadapinya ialah pada sekitar awal tahun 1988. Pada sekitar pertengahan bulan Mac 1988, satu Jawatankuasa Penyelaras Adat Wilayah Linggi telah ditubuhkan dengan dipengerusikan oleh Haji Osman bin Harun. Pada hari Ahad 20 Mac 1988 bersamaan 20 Syaaban 1408 Hijrah, ahli-ahli jawatankuasa tersebut berserta beberapa orang waris Linggi (kesemuanya berjumlah 10 orang) telah mengadakan satu kerapatan di balai Datuk Syahbandar Sahari bin Haji Hassan di Belangan. Dalam kerapatan itu waris tersebut telah memecat Datuk Muda Abu Zaharin atas tuduhan telah melakukan enam kesalahan adat termasuk campur tangan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putera, Undang Luak Sungai Ujong yang ke-10.<sup>16</sup>

Percubaan untuk memecat Abu Zaharin bin Haji Maulud ini ternyata gagal dari segi pengiktirafan Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan. Abu Zaharin masih dianggap sebagai Datuk Muda Linggi dan menganggotai Jawatankuasa Majlis Istiadat Penghulu-penghulu luak menghadap dan menjunjung Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan yang bakal diadakan pada 14 hingga 16 Julai 1988. Beliau sebagai Datuk Muda Linggi telah menghadiri mesyuarat Jawatankuasa tersebut, setidak-tidaknya dalam sidang mesyuarat ketiga jawatankuasa itu pada 15 Jun 1988 jam 2.30 petang.

Datuk Muda Abu Zaharin bin Haji Maulud telah meninggal dunia pada tahun 1996 di kediamannya di Kuala Lumpur.

1. Gelaran Menteri bukan gelaran adat Linggi tetapi adalah gelaran bagi orang semenda (Mohamad Ali bin Haji Abdul Aziz, 1960: 45 nota kaki 1).

2. Mohamad Ali bin Dahlan (1976:215) telah tersilap memberi nama ayah Datuk Abdullah. Mohamad Ali telah menyatakan Abdullah bin Bakar.

3. Lihat manuskrip 'Catatan Cikgu Abdul Samad bin Zainuddin' (tiada tarikh).

4. Salasilah itu hilang pada masa Haji Mohamad Said pergi ke Negara Thai. Sebelum bertolak, beliau telah mengamanahkan salasilah itu kepada isterinya yang tinggal bersamanya di Cembong, Rembau. Semasa beliau berada di Thai, Abbas telah menjemput anak perempuannya (isteri Haji Mohamad Said) balik ke Linggi dengan meninggalkan salasilah itu di Cembong. Sekembalinya dari Thai, Haji Mohamad Said mendapati salasilah itu sudah tidak ada lagi di rumahnya. Beliau telah menceraikan isterinya dengan talak satu sebab cuai memegang amanah (Mohamad Ali bin Dahlan, 1976:217 nota kaki 1).

5. Surat Jalan bin Salleh ini telah ditulis dalam bahasa Inggeris (NSG No. 233/30).

6. Mereka itu ialah: (1) Ngah bin Mohamad Said, (2) Umar bin Haji Abdullah, (3) Haji Majid bin Ali, (4) Mohamad bin Ahmad, (5) Mohnun bin Yahya, (6) Abd. Jalil bin Mohd. Amin, (7) Mohamad bin Abu, (8) R.T.P. Bilal Mohd. Aris, (9) Mohd. Yusuf bin Zainudin, (10) Long bin Ujang, (11) Jalal bin Haji Suboh, (12) Ali bin Abdullah, (13) Haji Pandak

R.T.P., (14) Bujang Jafar bin Mohd. Tabri, (15) Mohamad bin Datuk Muda, (16) Abd. Samad bin Aldin, (17) Aman bin Haji Mod. Amin, (18) Ibrahim bin Abdullah, (19) Abu Bakar bin Indin, (20) Haji Mohamad bin Ishak. (NSG No. 233/30. Lihat 'Surat kepada Datuk Kelana Sungai Ujong dari para Waris Linggi pada 17 Julai 1930').

7. Seorang waris Linggi yang pada ketika itu bertugas sebagai Pegawai Syarikat Kerjasama Melayu bagi Negeri Sembilan dan Melaka.

8. Pensejarahan Linggi agak kurang jelas tentang bila Syed Ahmad menemui Datuk Kelana.

9. Untuk keterangan lanjut tentang isi petisyen ini lihat SRNS No. 217/39. Surat Datuk Muda Linggi kepada Residen British tentang pelakuan naib kadi Linggi yang sewenang-wenang kepada beberapa penduduk Linggi pada 26 November 1919.

10. Lihat teks 'Ucapan Tan Sri Dato' Dr. Mohamad Said dalam mesyuarat Wars-waris Linggi di Dewan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris, Linggi pada 29 September 1974'.

11. Lihat Surat Bil. (9) dalam Astana Sulit, 6/60, daripada Setiausaha Sulit Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan kepada Haji Ahmad bin Haji Abdullah, Yang Dipertua Jawatankuasa Waris-waris Linggi, yang bertarikh 22 Jun 1960.

12. Haji Mohamad Yusof bin Ahmad (Allahyarham) ialah adik Za'ba. Beliau pernah antara lain berkhidmat sebagai Penolong Pengetua Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) atau dahulu terkenal dengan nama Sultan Idris Teacher Training College (SITC), menjadi ahli Majlis Persekutuan dan menjadi Setiausaha Sulit Yang Dipertuan Agong yang pertama sebelum bersara dan tinggal menetap di kampung asalnya, Linggi.

13. Temu bual Shaari bin Awaludin dengan Haji Mohamad Yusof. Lihat laporannya dalam Shaari bin Awaludin, 'Krisis Perlantikan Dato' Muda Linggi yang ke VIII', kerja kursus AE 340 (tidak diterbitkan), Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978/79:11.

14. Kassim bin Harun (Allahyarham) ialah guru dan bekas Presiden Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB).

15. Lihat surat Kassim bin Harun kepada Datuk Kelana Putera Sungai Ujong bertarikh 30 September 1974.

16. Lihat Bustamam Ahmad, 'Haji Ismail Disiythar Datuk Muda Linggi Baru', *Berita Harian*, 15 April 1988. Pada masa itu di Luak Sungai Ujong sedang berlaku krisis perlantikan Datuk Kelana selepas kematian Datuk Kelana Mohd. Kassim bin Datuk Pika Haji Abdul Rashid.